

**Jurnal Pengurusan
JAWHAR**

Vol.12 No.1, 2018

LEMBAGA EDITOR

Penasihat

YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman
Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri

Ketua Editor

Tuan Haji Jaafar bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Sidang Editor

En. Baitiyamin bin Mamat
En. Mohd Azizan bin Abdullah
Pn. Hafizah binti Abdul Shukor
Pn. Siti Zaida binti Mahmud
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Penerbitan

Pn. Noor Azura binti Zainal
En. Ahmad Ariffin bin Joferi
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)



JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	iii-v
MELESTARIKAN PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF DI MALAYSIA MENERUSI TADBIR URUS TERBAIK PENGURUSAN PERAKAUNAN ISLAM <i>Hj. Zainal bin Hj. Mohd Yusoh A.M.N.</i>	1-12
PEMBANGUNAN HARTA AQAR ZAKAT : KAJIAN TERHADAP MODEL PEMBANGUNAN HARTA AQAR MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR <i>Mohd Azlan bin Bunasir, Hairunnizam bin Wahid</i>	13-35
PENEROKAAN SUMBER-SUMBER BARU BAITULMAL <i>Indera Shahril bin Mohd Shahid</i>	36-57
SUBSTITUTION OF WAQF : MAQASID AL-SHARI'AH AND PUBLIC INTEREST <i>Assoc. Prof. Dr. Abdul Bari bin Awang, Faiz Sakinah binti Amir Hamzah</i>	58-77
TAWAF WADA': ANTARA KEWAJIPAN DAN KELUASAN FIQAH <i>Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir</i>	78-92
THE MANAGEMENT OF ZAKAT: A STUDY AT ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL OF PULAU PINANG <i>Nurul Mardziah binti Abu Bakar, Nur Afifah binti Rosdan, Nor Anis Adilah binti Darwin, Hydzulkifli Hashim bin Omar, Mohd Fauzwadi bin Mat Ali, Amirul Faiz bin Osman</i>	93-106
ANALISIS PERANAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM SEBAGAI EJEN KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) <i>Mohd Faisol bin Ibrahim</i>	107-123
SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR	124-125

KATA ALUAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.12, No.1, 2018 ini. Penerbitan jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan dan memantapkan kefahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras di bawah seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi tujuh penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh Hj. Zainal bin Hj. Mohd Yusoh A.M.N. yang bertajuk Melestarikan Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia Menerusi Tadbir Urus Terbaik Pengurusan Perakaunan Islam. Artikel ini membincangkan konsep wakaf, sejarah wakaf dalam Islam, serta peranan wakaf sebagai instrumen penting dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian ummah. Penulis juga menyentuh secara ringkas prinsip umum perakaunan wakaf dan peranan Majlis Agama Islam Negeri yang bertindak sebagai Pemegang Amanah Tunggal ke atas tanah wakaf seperti yang termaktub dalam Enakmen Wakaf Negeri dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri.

Artikel kedua yang bertajuk Pembangunan Harta Aqar Zakat: Kajian Terhadap Model Pembangunan Harta Aqar Majlis Agama Islam Negeri Johor ditulis oleh Mohd Azlan bin Bunasir dan Hairunnizam bin Wahid. Artikel ini merupakan satu kajian ke atas amalan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dalam melaksanakan pembangunan *harta aqar zakat* (harta tak alih yang dibangunkan menggunakan dana zakat) serta melihat kajian pengkaji dan ulama terdahulu terutamanya dalam bidang Fiqh Zakat. Hasil kajian mendapati pihak MAIJ amat berhati-hati di dalam proses melaksanakan pembangunan harta aqar ini sama ada dari sudut keputusan pelaburan dan sebagainya.

Artikel ketiga pula merupakan kertas kerja yang ditulis oleh Indera Shahril bin Mohd Shahid. Kertas kerja ini membincangkan mengenai Penerokaan Sumber-sumber Baru Baitulmal dan telah dibentangkan di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 pada 20 Ogos 2015 bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya. Penulis menjelaskan secara ringkas definisi Baitulmal, sejarah penubuhan serta menyentuh secara khusus Baitulmal di Selangor dan Baitulmal di Malaysia amnya. Kesimpulannya artikel ini mengetengahkan cadangan-cadangan utama

bagi penerokaan sumber baru Baitulmal dan potensinya yang besar di samping cabaran-cabaran yang perlu dilalui Baitulmal.

Artikel keempat yang bertajuk Substitution Of Waqf: Maqasid Al-Shari'ah And Public Interest, ditulis oleh Prof Dr. Abdul Bari bin Awang dan Faiz Sakinah binti Amir Hamzah. Artikel ini menjelaskan tentang penerapan harta wakaf yang sangat digalakkan kerana ia mencerminkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan serta memenuhi keperluan masyarakat moden pada hari ini. Oleh itu, penggantian wakaf (istibdal) sangat diperlukan dalam pelaksanaan wakaf, sehingga harta wakaf tidak dibazirkan dan tetap bermanfaat bagi masyarakat. Walaupun penggantian wakaf merupakan unsur penting dalam ekonomi Islam, ianya masih belum lagi dipersetujui apakah ia memenuhi aspek keperluan sama ada keperluan (darurah), keperluan (hajah) atau perhiasan (tahsin). Artikel ini membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penerapan penggantian wakaf, dengan penekanan khusus terhadap kepentingannya dalam masyarakat Islam kerana ia berfungsi dengan objektif hukum Islam (maqasid al-shari'ah) dan kepentingan umum.

Artikel kelima bertajuk Tawaf Wada': Antara Kewajipan Dan Keluasan Fiqah. Artikel ini telah dikupas oleh Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir. Artikel ini mengupas dua sudut perbezaan pendapat dalam pelaksanaan tawaf wada' sama ada antara hukum wajib atau sunatnya tawaf wada' dan kaitannya dengan ibadat haji atau tidak. Pemilihan pendapat yang lebih anjal adalah perlu bagi memudahkan pergerakan jemaah haji dan umrah. Maka artikel ini adalah suatu cadangan agar pihak Tabung Haji mengkaji semula isu tawaf wada' ini agar sesuai dengan keadaan semasa.

Artikel keenam yang bertajuk The Management Of Zakat: A Study At Islamic Religious Council Of Pulau Pinang, ditulis oleh Nurul Mardziah binti Abu Bakar, Nur Affah binti Rosdan, Nor Anis Adilah binti Darwin, Hydzulkifli Hashim bin Omar, Mohd Fauzwadi bin Mat Ali dan Amirul Faiz bin Osman. Artikel ini mengkaji pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Secara umumnya, taburan zakat telah diedarkan kepada 8 asnaf yang telah diluluskan iaitu golongan Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Gharimin, Ibnu Sabil, Fisabilillah dan Ar-Riqab oleh undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk menegakkan institusi zakat. Terdapat dua isu yang dibincangkan

dalam artikel ini iaitu melibatkan keengganan individu yang berkemampuan dan organisasi untuk mengeluarkan zakat, dan juga kelengahan Pusat Pungutan Zakat Pulau Pinang dalam menyalurkan bantuan zakat kepada mereka yang memerlukan. Artikel ini serba sedikit menyentuh kepada beberapa pandangan negatif yang menyatakan pengagihan zakat serta proses mendapatkan bantuan zakat tersebut adalah sangat rumit. Namun begitu, zakat Pulau Pinang telah berjaya menangani kedua-dua isu ini untuk menegakkan institusi zakat di Malaysia.

Manakala artikel terakhir iaitu artikel ketujuh bertajuk Analisis peranan Institusi Perbankan Islam sebagai Egen Kutipan Zakat di Malaysia: Kajian di Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah ditulis oleh Mohd Faisol bin Ibrahim. Artikel penutup ini adalah artikel menyentuh peranan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam untuk memartabatkan ekonomi Islam di Malaysia di mana kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah bayaran dan kutipan zakat yang disediakan oleh LZS melalui institusi perbankan Islam yang menunjukkan peningkatan kaedah-kaedah bayaran zakat yang disediakan bagi pembayar zakat oleh LZS melalui institusi perbankan Islam telah memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di Malaysia.

Kesemua penulisan dalam jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan oleh pakar-pakar bidang teras JAWHAR yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH S.W.T. jua hendaknya.

MELESTARIKAN PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF DI MALAYSIA MENERUSI TADBIR URUS TERBAIK PENGURUSAN PERAKAUNAN ISLAM¹

Hj Zainal bin Hj Mohd Yusoh A.M.N²

ABSTRAK

Artikel ini disediakan untuk menerangkan tentang konsep wakaf, pengertian, sejarah pewakafan dalam Islam dan perkara-perkara berhubung dengan syariat Islam serta peranan wakaf sebagai salah satu instrumen penting dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian ummah. Di samping itu artikel ini menjelaskan tentang prinsip umum perakaunan wakaf, dasar dan punca kuasa perakaunan wakaf dalam membantu penyediaan penyata kewangan wakaf yang seragam. Artikel ini juga menyatakan secara ringkas tentang peranan Majlis Agama Islam Negeri yang bertindak sebagai Pemegang Amanah Tunggal ke atas tanah wakaf seperti yang termaktub dalam Enakmen Wakaf Negeri dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri. Artikel ini antara lain menyentuh isu dan cabaran masa hadapan berkaitan pengurusan perakaunan Islam di Malaysia dan inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia bersama Majlis Agama Islam Negeri Negeri dan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri dalam usaha mengerakkan tadbir urus terbaik pengurusan Perakaunan Islam.

¹ Artikel ini disediakan untuk Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri

² Hj Zainal bin Hj Mohd Yusoh adalah mantan Pegawai Wakaf di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri (2007-2016) dan sekarang berkhidmat sebagai Ketua Naziran Pasukan ESPKB di Bahagian Akaun Kementerian Pendidikan Malaysia. Merupakan *group expert waqf* (2010-2015) dan Fasilitator/Penceramah undangan di ICWR UIAM, ILIM, JAWHAR dan UM.

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu instrumen kewangan dan institusi penting dalam membangunkan ummah bukan sahaja dari sudut keagamaan dan sosial, malah ia juga melibatkan pembangunan sumber ekonomi. Harta wakaf perlu dijaga dan diuruskan dengan sempurna supaya ianya memberi manfaat terbaik kepada pewakaf (*al-Wakif*) dan penerima wakaf (*al-Mawquf 'alaih*). Islam amat menuntut umatnya membina kekuatan ekonomi bagi memperkembangkan syiar dan tamadun Islam sejagat. Bagi mencapai kesempurnaan tersebut, salah satu elemen yang perlu dititikberatkan adalah aspek pengurusan perakaunan wakaf.

Perkataan wakaf sebenarnya diambil daripada terma “*waqf*” atau “*waqafa*” (kata jamak) dalam bahasa Arab yang bermaksud “menahan”, “menegah” atau berhenti”. Dalam erti kata yang lain, wakaf membawa maksud “pembekuan” hak milik bagi faedah tertentu apabila dikaitkan dengan harta seperti tanah atau bangunan. Terma “menahan” atau “terhenti” pula membawa maksud menyerahkan hak milik secara keseluruhannya kepada pemilik asal iaitu Allah S.W.T.

Amalan berwakaf sebenarnya dapat meningkatkan ketaqwaaan kepada Allah S.W.T, menyemai perasaan kasih sayang sesama manusia serta dapat mendidik jiwa untuk sedia berkorban bagi menyumbang harta demi mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Manfaatnya bukan sekadar akan diperolehi oleh pewakaf malah turut dinikmati oleh masyarakat. Justeru itu, instrumen wakaf merupakan satu wasilah yang boleh membina kemakmuran dalam pelbagai aspek kehidupan manusia di muka bumi ini.

SEJARAH PERAKAUNAN ISLAM

Di dalam sejarah umat Islam, harta wakaf yang pertama dilaksanakan ialah pembinaan Masjid Quba' yang dibina sendiri oleh Nabi S.A.W. Ini diikuti oleh Masjid Nabawi di Madinah. Pembinaan kedua-dua masjid terawal dalam sejarah Islam melalui kaedah wakaf adalah sangat penting untuk membangun masyarakat kerana masjid-masjid tersebut terbukti berperanan secara berkesan sebagai pusat pentadbiran masyarakat. Selain masjid, penubuhan Universiti Al-Azhar di Mesir yang dibina semenjak

1,000 tahun lalu adalah dikendalikan daripada pengurusan harta wakaf yang telah memastabatkan kepentingan sektor pendidikan sehingga melahirkan ramai ilmuan dan pakar rujuk Islam.

Pengurusan harta yang baik dan sistematik amat ditekankan di dalam Islam bagi memastikan ketelusan dan integriti maklumat yang disampaikan itu adalah betul dan tepat. Justeru itu setiap transaksi perlulah dicatat agar tidak timbul perbalahan di kemudian hari. Keperluan membuat catatan rekod transaksi ada disebut di dalam al-Quran menerusi surah al-Baqarah, Ayat 282, yang memerintahkan supaya segala urusan rekod transaksi perlulah dicatat. Catatan perakaunan tersebut perlulah dibuat pengesahan mengenainya bagi memastikan keterlusannya. Berkaitan dengan itu, Rasulullah S.A.W. telah mengarahkan bahawa catatan hendaklah dibuat kepada penerimaan dan perbelanjaan harta zakat serta sedekah yang menjadi asas kepada **prinsip catatan beregu** bagi menyatakan kedudukan wang masuk dan wang keluar.

ASAL PENUBUHAN DIWAN (JABATAN PERAKAUNAN)

Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W., pengurusan harta wakaf telah diteruskan oleh Khulafa Al-Rashidin. Ramai para sahabat telah mengambil sunnah ini dengan menginfakkan sebahagian harta mereka untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Di zaman Khalifah Umar R.A. perakaunan Islam ditambah baik dengan penubuhan **Diwan** (Jabatan Perakaunan). Cadangan penubuhan ini telah dikemukakan oleh Hurmuzan yang melihat Khalifah Umar R.A. menerima rombongan yang membawa wang tanpa sebarang catatan. Beliau (Hurmuzan) memberitahu Khalifah Umar R.A. bahawa tanpa membuat catatan, tiada siapa yang tahu mengenai sesuatu barang atau wang yang hilang daripada simpanan. Oleh itu, hanya dengan menulis dan membuat catatan jumlah keseluruhan harta, barulah ia dapat dijaga dengan betul. Lalu Khalifah Umar R.A. memerintahkan supaya ditubuhkan diwan untuk menjalankan tugas tersebut. Dapat dilihat di sini bahawa peranan utama Diwan ialah membuat catatan semua harta yang diperolehi dan yang dibelanjakan, kemudian, ditubuhkan Diwan yang berkaitan dengan wang kutipan cukai kharaj dan cukai-cukai lain.

PENGURUSAN HARTA WAKAF

Bagaimana cara menguruskan harta wakaf? Adakah syarat atau peraturan yang ditetapkan oleh syarak untuk menguruskannya? Dalam hal ini, bentuk pengurusan dan kaedah penggunaan hasil wakaf bergantung kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh pewakaf. Sejauh mana hasrat pewakaf dapat direalisasikan adalah bergantung kepada pihak yang menguruskannya. Pihak pengurusan bertanggung jawab untuk menentukan setiap harta yang diwakafkan oleh pewakaf diurus dengan sebaik mungkin bagi memastikan penerimaan manfaat seperti yang ditentukan oleh pewakaf menerima manfaatnya dan pewakaf pula memperoleh pahala yang berkekalan.

Seiring dengan kepentingan wakaf dari sudut tujuannya, para ilmuan Islam menerusi kaedah ijtihad telah memperlengkapkan hukum dan pelaksanaan institusi wakaf sesuai dengan perkembangan dan perubahan masa. Antara ciri penting yang dikembangkan termasuklah rukun wakaf, klasifikasi harta wakaf dan batasan wakaf.

EMPAT RUKUN WAKAF, KLASIFIKASI WAKAF DAN BATASAN HARTA WAKAF

Rukun Wakaf

Rukun adalah sesuatu yang menyebabkan sempurnanya tindakan atau perbuatan. Bagi menjadikan sesuatu harta yang diwakafkan itu sah, maka seseorang itu harus mematuhi rukun wakaf yang terdiri daripada empat perkara iaitu pewakaf (*al-waqif*), harta yang diwakafkan (*mauquf*), penerima wakaf (*mauquf alaih*) dan akad atau lafadz wakaf (*sighah*).

Pewakaf (*al-Waqif*)

Pewakaf atau *al-waqif* adalah orang yang menyerahkan harta miliknya untuk dijadikan harta wakaf. Bagi membolehkan sesuatu harta yang diwakafkan itu sah, pewakaf hendaklah terdiri daripada seseorang yang merdeka, pemilik harta yang sempurna, berakal, cukup umur dan cerdik. Pewakaf boleh terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam atau sebarang organisasi sosial atau kerajaan bagi tujuan yang dianggap mempunyai ciri-

ciri kebajikan, keagamaan dan derma seperti yang disyaratkan di bawah undang-undang Islam.

Harta yang Diwakafkan (*al-Mauquf*)

Harta yang diwakafkan (*al-mauquf*) hendaklah terdiri daripada harta yang dimiliki pewakaf secara sah, halal dan bersifat kekal zatnya, tahan lama, tidak mudah rosak dan mempunyai faedah yang diharuskan oleh syarak.

Penerima Manfaat Wakaf (*Mauquf 'alaiah*)

Penerima wakaf atau *mauquf 'alaiah* merupakan individu, sekumpulan individu atau organisasi yang diberikan atau menerima manfaat daripada harta wakaf tersebut. Antara syarat penerima wakaf ialah penerimaan tersebut hendaklah bertujuan mencari keredaan dan mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. Penerima wakaf juga hendaklah terdiri daripada mereka yang telah ditentukan, wujud, diketahui dengan jelas dan boleh diberi hak milik. Selain itu, penerima wakaf juga mestilah orang yang mempunyai kelayakan untuk memiliki harta wakaf.

Lafaz Wakaf (Sighah)

Lafaz atau sighah wakaf ialah lafadz yang diucapkan oleh pewakaf ketika menyerahkan harta wakafnya kepada seseorang atau pihak-pihak yang telah ditentukannya. Lafaz, dengan kata lain merupakan suatu pernyataan penyerahan (*ijab*) harta daripada pewakaf kepada penerima wakaf. Pernyataan dan ikrar penyerahan harta ini boleh dilakukan sama ada secara lisan, tulisan atau isyarat bagi orang yang tidak mampu menyampaikannya dengan cara yang lain, asalkan isyarat itu menunjukkan dengan jelas kehendak pewakaf.

Batasan Harta Wakaf

Berdasarkan pandangan para ulama, terdapat tiga prinsip yang menjadi asas kepada amalan dan pewujudan wakaf yang sah daripada segi hukumnya iaitu muktamad (*irrevocability*), Kekekalan (*perpetuity*) dan tidak boleh dipindah milik (*Inalienability*).

Muktamad (*Irrevocability*)

Menurut Imam Abu Yusuf, wakaf berkuatkuasa sebaik sahaja akad dibuat oleh pewakaf (al-Sarakhsy, 1956 dipetik dalam Muhammad Tahir Sabit Haji Mohammad, 2005). Sebaik sahaja harta tersebut diwakafkan, maka hak pemilikannya berpindah daripada pewakaf kepada pemilik sebenar harta tersebut iaitu Allah S.W.T. Pandangan Imam Abu Yusof ini diterima oleh majoriti ulamak dalam empat mazhab.

Kekekalan (*perpetuity*)

Harta yang ingin diwakafkan hendaklah bersifat kekal dan tahan lama, tidak mudah rosak dan tidak cepat habis seperti tanah dan bangunan. Sementara, harta benda atau barang yang tidak kekal lama tidak boleh diwakafkan seperti makanan, minuman, buah-buahan yang zat fizikalnya mudah rosak dan cepat habis.

Tidak Boleh Dipindah Milik (*Inalienability*)

Prinsip tidak boleh dipindah milik mempunyai persamaan yang hampir sama dengan prinsip kekal seperti yang dibincangkan di atas. Hukum prinsip ini diambil daripada hadith Rasulullah S.A.W. mengenai kisah wakaf Saidina Umar R.A. di Khaibar yang dijelaskan secara terperinci sebelum ini. Harta-harta yang telah diwakafkan tidak boleh dipindah milik dalam apa bentuk sekalipun sama ada dijual, digadai, diwariskan atau dijadikan hibah sama ada oleh pewakaf, *mutawalli* ataupun penerimanya.

TAKRIF PERAKAUNAN ISLAM

Perakaunan Islam boleh ditakrifkan sebagai suatu pengiraan hasil-hasil pekerjaan yang halal menurut kaedah syarak yang dijalankan berdasarkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan. Manakala, Perakaunan Wakaf pula boleh ditakrifkan sebagai prosedur asas piawaian perakaunan yang menepati prinsip wakaf menurut kehendak syarak.

PRINSIP UMUM PERAKAUNAN ISLAM

Asas perakaunan Islam termasuklah perakaunan wakaf umumnya bersumberkan kepada surah al-Baqarah ayat 282. Daripada ayat ini, beberapa prinsip umum perakaunan Islam boleh dipedomankan seperti berikut:

- i. mencatat transaksi kewangan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan urusan muamalat;
- ii. catatan kewangan mestilah dibuat dengan cara yang adil, tepat dan beramanah. Sifat adil memerlukan seseorang pencatat hanya bertanggungjawab kepada Allah S.W.T.;
- iii. pencatat juga mestilah memiliki kemahiran dan mengetahui hukum fiqh. Namun ilmu sahaja tidak mencukupi kerana banyak kemudaratian telah ditimbulkan oleh mereka yang berilmu tetapi tidak memiliki sifat adil dan amanah. Oleh itu Allah S.W.T. telah menambah bahawa pencatat mestilah juga memiliki sifat taqwa;
- iv. mencatat dengan tepat, teratur dan dengan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit;
- v. mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi;
- vi. catatan mestilah dibuat tanpa mengira kecil ataupun besar sesuatu transaksi tersebut. Muhammad Kamal Atiyah dalam bukunya “Perakaunan Syarikat Menurut Sistem Islam” telah menegaskan bahawa ulama fiqh telah menetapkan iaitu sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa.

PUNCA KUASA PERAKAUNAN ISLAM

Di Malaysia, hal-ehwal berkaitan agama terletak sepenuhnya di bawah kuasa Sultan di setiap negeri dan Sultan mewakilkan kuasa tersebut kepada MAIN untuk bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan tersebut termasuklah hal-ehwal berkaitan wakaf. Ini kerana perkara wakaf merupakan salah satu aspek harta keagamaan yang disenaraikan

di bawah **Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan** yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia. Ia memperuntukkan:

“... Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan wakaf Islam dan takrif ... keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini...”

Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua hasil Kerajaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan kecuali hasil agama Islam seperti zakat dan fitrah, baitulmal dan lain-lain hasil (termasuk wakaf). Ini menjadi asas kepada peruntukan perundangan yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk membuat undang-undang bagi mengurus hasil-hasil agama Islam termasuklah harta wakaf.

Majlis Agama Islam Negeri juga merupakan pemegang amanah tunggal kepada semua harta wakaf di Malaysia. Perkara ini termaktub dalam Enakmen wakaf di setiap negeri iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Contohnya di Selangor, Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan ‘Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah.’

Di negeri Pulau Pinang, Seksyen 92, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, memperuntukkan bahawa MAINPP adalah sebagai pemegang amanah tunggal dan bertanggung jawab membangunkannya untuk manfaat orang Islam. Seksyen 93 di bawah enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana Majlis hendaklah mengambil inisiatif dan meletak hak dan mendaftar kesemua tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam Seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah.

Di Wilayah Persekutuan pula, dalam Akta Pentadbiran Undang-undang

Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993, Seksyen 61 dan 62 (1),(2) telah memperuntukkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai Pemegang Amanah Tunggal bagi harta-harta wakaf.

Artikel 74(1)(2), Perlembagaan Persekutuan pula telah memperuntukkan bahawa Parlimen dan Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan tadi termasuklah berkaitan harta wakaf orang-orang Islam.

Atas dasar di atas, statut-statut bagi mentadbir harta ini telah diperkenalkan di seluruh negeri-negeri di Malaysia di bawah akta atau enakmen-enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri masing-masing. Daripada peruntukan di atas juga, Mahkamah-mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas perkara wakaf ini yang membabitkan orang-orang Islam.

DASAR PERAKAUNAN WAKAF

Dasar Perakaunan Wakaf ini adalah diadaptasi daripada Financial Reporting Standard (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf:

i. **Tahun Kewangan**

Tempoh tahun kewangan adalah bagi 12 bulan berakhir 31 Disember setiap tahun.

ii. **Kumpulan Wang Wakaf**

Kumpulan Wang Wakaf adalah terdiri daripada Akaun Wakaf AM dan Akaun Wakaf Khas yang merekodkan senarai harta wakaf yang diterima, dibeli, pendapatan dan perbelanjaan di dalam akaun secara berasingan.

iii. **Prinsip Akruan**

Semua urusniaga terimaan dan bayaran diakaunkan mengikut asas akruan. Dengan menggunakan perakaunan asas akruan, urus niaga dan peristiwa

diiktiraf apabila ia berlaku (dan bukan semasa tunai atau kesetaraannya diterima atau dibayar) dan ia direkod dalam rekod perakaunan dan dilaporkan dalam penyata kewangan bagi tempoh berkaitan.

iv. Tindakan Berhemat (*Prudence*)

Tindakan berhemat adalah asas pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan dalam urusan merekod urusniaga dan penyediaan penyata kewangan.

v. Keutamaan Nilai Daripada Bentuk (*Substance Over Form*)

Urusniaga dan semua peristiwa perlu diperakaunan dan dipersembahkan mengikut keutamaan nilai dan kebenaran transaksi kewangan dan bukan hanya kepada bentuk perundangan.

vi. Materialiti

Penyata Kewangan yang disediakan perlu mengambil kira dan melaporkan perkara-perkara yang penting dan signifikan untuk membantu membuat penilaian dan keputusan.

ISU PERAKAUNAN WAKAF DAN CABARAN MASA HADAPAN

Terdapat beberapa isu perakaunan wakaf yang perlu ditangani agar pengurusan dan pembangunan wakaf dapat dilaksanakan mencapai maqasid wakafnya. Antara faktor yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. Tiada peruntukan perundangan yang jelas secara terperinci tentang perakaunan wakaf. Ini menyukarkan pihak Pemegang Amanah Tunggal Wakaf menguruskan harta wakaf terutama jika terdapat isu-isu yang berbangkit dengan syariat.
- ii. Tiada prosedur kewangan yang piawai dalam perakaunan wakaf. Sebagai contoh harta wakaf yang melibatkan *Istibdal* iaitu harta yang digantikan dengan harta lain. Berdasarkan prinsip wakaf harta tersebut mestilah mempunyai nilai yang sama atau lebih baik perlu diakaunkan pada nilai pasaran harta tersebut.

- iii. Kekurangan pegawai perakaunan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang wakaf disebabkan kekurangan pendedahan dan kefahaman mengenainya.
- iv. Terdapatkekangan kakitangan di pihak yang menguruskan penyediaan perakaunan yang mengakibatkan kelewatan dalam penyediaan laporan kewangan wakaf.
- v. Kekurangan latihan, pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan akaun wakaf yang lengkap dan teratur yang menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam perseimbahan Penyata Kewangan Wakaf.

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) menerusi dapatan auditannya setiap tahun ke atas MAIN beberapa tahun lalu memaklumkan terdapat ketidakseragaman dalam penyampaian penyata kewangan oleh Pemegang Amanah Harta Wakaf. Berkaitan dengan itu, JANM telah mengadakan satu persidangan meja bulat pada tahun 2015 di Hotel Putra Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh semua wakil MAIN, Institut Perakaunan Malaysia (MIA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta lain-lain agensi yang berkaitan.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia juga telah mengambil inisiatif terbaik melaksanakan Kajian Perakaunan Islam dengan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan bagi mendapat maklumat yang lebih komprehensif untuk dimanfaatkan oleh MAIN dan pihak-pihak yang berkepentingan serta umat Islam di Malaysia. Adalah menjadi harapan kita suatu hari nanti Malaysia melalui usaha murni JANM ini akan menjadi perintis kepada Sistem Perakaunan Islam terbaik yang menjadi rujukan dan panduan bukan sahaja di Malaysia malah menjadi rujukan negara-negara Islam di masa hadapan. Marilah kita sama-sama mendoakan kejayaan tersebut.

KESIMPULAN

Harta wakaf merupakan satu amanah yang seharusnya

dipertanggungjawabkan oleh pemegangnya terutama dalam memastikan tujuan dan hasrat asal pewakaf tercapai. Pemegang amanah seharusnya juga dapat membangunkan semula harta tanah wakaf untuk menaikkan nilai dan pulangannya, mengurus dan mentadbir tanah-tanah tersebut dengan teratur serta **melaporkan akaunnya** setiap tahun agar kelihatan lebih telus dan tidak lari dari hakikat untuk berlaku adil di dalam ekonomi dan sosial umat Islam.

RUJUKAN

Al-Quranul Karim (2000), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Percetakan Darul Fikir Sdn. Bhd.

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, 2009

Manual Pengurusan Tanah Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, 2007

Bagaimana Membuat Wakaf, Kuala Lumpur: Siti Mashitoh Mahamood (2001), Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Wakaf Pemahaman untuk semua, Razali Othman, PhD

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor

Enakmen Wakaf Selangor, 2015

Enakmen Wakaf Negeri Sembilan, 2005

Enakmen Wakaf Melaka, 2005

PEMBANGUNAN *HARTA AQAR ZAKAT*¹: KAJIAN TERHADAP MODEL PEMBANGUNAN *HARTA AQAR*² MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Mohd Azlan bin Bunasir³

Hairunnizam bin Wahid⁴

Pusat Pengajian Ekonomi,

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM

ABSTRAK

Pembangunan *harta aqar* adalah merupakan satu kaedah yang baru dalam menguruskan dana zakat oleh sesebuah institusi zakat. Namun begitu, pembangunan harta ini agak berisiko kerana ia melibatkan dana zakat yang mempunyai kategori asnaf tertentu dan ia merupakan satu amanah yang perlu diselesaikan pada setiap tahun oleh institusi zakat. Walau bagaimanapun, sekiranya dana ini diurustadbir dengan baik dan teliti seiring dengan maqasid syariah dan berdasarkan persetujuan jawatankuasa fatwa dan syariah, pembangunan harta ini dengan menggunakan dana zakat dapat memberi manfaat yang besar kepada golongan asnaf khususnya serta masyarakat Islam amnya. Walaupun pembangunan *harta aqar* menggunakan harta zakat diharuskan, tindakan ini perlulah diteliti bermula dari tujuan ia dibangunkan hinggaalah manfaatnya dapat disalurkan kepada golongan asnaf. Kajian ini bertujuan menilai amalan institusi zakat di Johor iaitu Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dalam pembangunan *harta aqar* serta menilai keselarasan amalan serta kaedah tersebut dengan apa yang dibincangkan

¹ Harta tidak alih yang dibangunkan dengan dana zakat

² Harta tidak alih seperti bangunan, tapak tanah dan rumah, iaitu harta yang tidak mungkin dapat dipindahkan dari tempatnya. Tambahan menurut mazhab Maliki ...ia juga termasuk sesuatu yang boleh dipindahkan tetapi pasti berlaku perubahan fizikal terhadapnya.

³ Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: drazlan015643@gmail.com

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: hairun@ukm.edu.my

oleh beberapa pengkaji dan ulama terdahulu terutamanya berkaitan dengan Fiqh Zakat. Kajian ini juga telah menemu bual dengan pegawai dari MAIJ untuk mendapat gambaran yang sebenar perlaksanaan kaedah ini. Hasil kajian mendapati bahawa sikap asnaf, keterlibatan kerajaan negeri dan hasil kutipan zakat amat berkait rapat dalam pembangunan harta aqar dan ia memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam pada masa kini. Hasil kajian juga mendapati, dalam proses pembangunan harta ini, pihak MAIJ amat berhati-hati di dalam proses membuat keputusan pelaburan dan apa-apa yang melibatkan pembangunan *harta aqar* menggunakan dana zakat mahupun wakaf. Beberapa cadangan juga telah dibuat agar pembangunan aqar oleh institusi zakat dapat memberi manfaat kepada umat Islam secara khususnya di negeri Johor.

KLASIFIKASI JEL: Z12, 13, 118

PENGENALAN

Pensyariatan pengagihan semula hasil kutipan zakat kepada golongan atau pihak tertentu telah disebutkan secara jelas di dalam al-Quran. Penetapan yang jelas ini dibuat supaya orang berpenyakit hatinya tidak mendapat peluang untuk membolot harta yang telah dikeluarkan untuk dizakatkan. Juga penetapan ini bertujuan agar ia tidak diagihkan dengan tujuan yang tidak berasas. Firman Allah S.W.T, yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah at-Taubah: 60)

Setiap penetapan pengagihan kepada lapan asnaf yang dijelaskan ini

mempunyai maksud atau tujuan tersendiri contohnya ketentuan pengagihan kepada golongan asnaf adalah bertujuan untuk memberikan jaminan sosial kepada golongan tersebut agar mendapatkan kehidupan selayaknya sebagai manusia.

Menurut ulama kadar pengagihan semula zakat kepada asnaf fakir dan miskin terdiri daripada dua pandangan. Pandangan pertama ialah pengagihan yang berfokus untuk memenuhi kecukupan asnaf tanpa meletak kadar tertentu (*unfixed value*) dari harta yang akan diagihkan kepada asnaf. Pandangan yang kedua pula, pengagihan yang menentukan kadar tertentu (*fixed value*) daripada harta yang akan diagihkan kepada asnaf. Menurut Qardawi (2000), pandangan pertama lebih menepati maksud sebenar pengagihan kepada asnaf fakir dan miskin.

Bagi memenuhi kecukupan ini, terdapat dua cara, yang pertama dengan cara memberikan bantuan kepada asnaf dengan sejenis bantuan yang dapat menghapuskan sebab kemeleratan dan kesempitan hidup mereka. Cara ini dinamakan sebagai ‘pemberian kecukupan umur’ (إِعْطَاءُ كِفَايَةِ الْعُمُرِ). Manakala cara kedua ialah dengan cara memberikan bantuan kepada asnaf untuk membiayai mereka sepanjang tahun dalam erti kata lain memberikan bantuan sara diri. Cara ini dinamakan ‘pemberian kecukupan tahunan’ (إِعْطَاءُ كِفَايَةِ الْحَيَاةِ).

Dalam melaksanakan cara pengagihan pemberian kecukupan umur ini, Qardawi (2000) telah menjelaskan berdasarkan cara pengagihan ini, ia mengharuskan institusi zakat membangunkan kilang-kilang, premis-premis kediaman, kompleks-kompleks perniagaan dan pelbagai lagi *harta aqar* dengan menggunakan harta-harta zakat. *Harta-harta aqar* tersebut dijadikan milik asnaf dengan pemilikan penuh atau pemilikan separa. Diharapkan agar *harta-harta aqar* tersebut dapat menjana pendapatan bagi mereka yang dapat memenuhi kecukupan mereka dengan sempurna. Namun begitu hak mereka untuk menjual atau memindahkan pemilikannya kepada orang lain agar *harta-harta aqar* tersebut menjadi seumpama harta yang diwaqafkan untuk mereka. Ini dengan tujuan agar manfaat *harta-harta aqar* tersebut berpanjangan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah

kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Pada awal penubuhannya ia berfungsi menguruskan hal ehwal Agama, memberi konsultansi mengenai adat istiadat Raja, memberi pelajaran atau pendidikan kepada kerabat Di Raja dan seterusnya menguruskan kebajikan masyarakat Islam di negeri Johor. Pada tahun 1936, Warta Kerajaan telah menguatkusakan perlantikan Ahli Majlis, lantaran itu Majlis berfungsi sebagai Penggubal Dasar Agama Islam bagi negeri Johor. Peranan utama MAIJ kini adalah sebagai pengurus dan pentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, MAIJ juga memainkan peranan utamanya dalam mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang / Harta Baitulmal seterusnya mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf.

Penubuhan MAIJ juga merujuk kepada Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 1978: yang menyatakan “*Hendaklah ditubuhkan sesuatu Majlis Agama Islam Negeri Johor yang disebutkan dalam Bahasa Inggeris sebagai*

“*Council of the Religion of Islam Johor*” *dan kemudian daripada ini disebutkan sebagai “Majlis” yang kekal turun temurun.*

Kemudian enakmen ini telah dipinda pada tahun 2003 yang menyatakan;

“*Maka hendaklah ada satu badan bernama “Majlis Agama Islam Negeri Johor” untuk membantu dan menasihati Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam*”.

Rentetan daripada ulasan yang dibuat oleh Qardawi (2000), objektif kajian ini mendapatkan maklumat kaedah pengagihan harta zakat seumpama seperti yang telah dilaksanakan oleh institusi pengurusan zakat di Johor. Sekiranya ia dipraktikkan oleh institusi pengurusan zakat di Johor, sejauh manakah pula ia dilaksanakan. Perkara ini termasuklah sumber bajet yang digunakan untuk membiayai suatu projek pembangunan *harta aqar* dan pengurusan risiko yang amalkan oleh MAIJ.

KAJIAN LEPAS

Dalam teks ucap utama Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib, beliau menyatakan kebimbangan tentang pemilikan bumiputera yang rendah terhadap aset bukan kewangan seperti rumah kediaman, premis industri dan kompleks komersial (di petik daripada teks ucap utama Perdana Menteri Malaysia pada Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra, UiTM, 14 September 2013). Isu pemilikan yang rendah ini adalah berpunca daripada faktor kurangnya pemaju harta tanah bumiputera yang berwibawa, purata pendapatan bumiputera yang rendah berbanding kaum lain dan perubahan harga yang mendadak, meningkat dan menurun turut memberi kesan kepada pemilikan harta tanah (Zainal, 2010). Menurut Zainal (2010) perumahan dan pasaran rumah kediaman dianggap tidak stabil berdasarkan dua sebab, yang pertama, harga rumah terlalu tinggi dan pemilikannya sukar atau pemilik mempunyai kesukaran dalam membuat bayaran bulanan gadai janji (*mortgage payment*). Yang kedua, turun naik harta rumah adalah tidak menentu dan sangat spekulatif iaitu tidak mempunyai keselarasan yang baik dengan pendapatan. Keadaan ini lebih menyukarkan lagi golongan fakir dan miskin yang rata-ratanya tidak memiliki pendapatan wajar yang memungkinkan mereka mempunyai kediaman yang selesa. Juga mustahil mereka berpeluang memiliki premis perniagaan atau memiliki kilang pembuatan. Oleh kerana itu, keterlibatan institusi agihan zakat atau mana-mana institusi kewangan dalam membantu golongan asnaf khususnya fakir dan miskin memiliki harta tanah (*harta aqar*) adalah wajar dilaksanakan (Sanep 2009, Ahmed 2003).

Jaafar, Sanep dan Hairunnizam (2011) menjelaskan bahawa dalam ilmu ekonomi konvensional menyatakan bahawa tanah merupakan salah satu daripada empat faktor pengeluaran dalam ekonomi selain buruh, modal dan pengusaha. Bangunan seperti rumah kediaman, premis industry dan kompleks perniagaan pula digolongkan dalam faktor tanah, ia juga termasuk di dalam ruang lingkup *harta aqar* kerana ia tidak mungkin dapat dipindah-pindahkan tanpa menjelaskan struktur fizikalnya (Zuhaili 2002). Hasil daripada bangunan atau *harta aqar* ini pula dapat disebut sebut sebagai sewa. Pengkategorian harta kepada *harta aqar* dan harta manqul ini mempunyai perbahasan hukum dalam beberapa isu fiqh seperti wakaf, hak kejiran dan syuf'ah (Zuhaili 2002, Hailani dan Sanep, 2009). Pembabitan

Institusi zakat dalam pembinaan atau perolehan harta tanah (*harta aqar*) menunjukkan bahawa institusi zakat juga terbabit dalam bidang ekonomi secara tidak langsung. Namun begitu pelaksanaannya perlu mengikut prinsip agihan yang ditetapkan oleh Islam.

Sebagai meluaskan faedah atau manfaat, harta zakat juga boleh digunakan untuk pelaburan serta digunakan sebagai sumber kredit golongan miskin dan sederhana miskin (Sanep 2009). Antara Pelaburan yang terkenal yang membabitkan harta tanah (*harta aqar*) adalah pelaburan hartanah yang dikenali sebagai *Islamic Real Estate Investment Trusts I-REAT*, amanah pelaburan hartanah Islam merupakan pelaburan yang menjanjikan pulangan yang stabil dan ia memainkan peranan yang penting dalam portfolio aset pelbagai bagi mengurangkan risiko. I-REAT telah disenaraikan di *Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE)* pada 1989. (Hamdana dan Ahmad Azam 2010). Penyertaan dalam pelaburan I-REIT selain dapat memberikan ketenangan kepada pelabur kerana mengaplikasikan undang-undang Allah S.W.T, ia juga dapat memberi manfaat pendapatan yang stabil kepada pesertanya (Ahmad Wajdi, 2008). Pada 2005, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan garis panduan REAT dan I-REAT yang diharapkan dapat merangsang para pelabur melabur dalam bidang hartanah. Sekiranya institusi pengurusan zakat dapat mengorak langkah serta bergerak mengikut prinsip agihan dan objektifnya iaitu meningkatkan taraf ekonomi umat Islam, maka masyarakat Islam khususnya golongan asnaf dapat meningkatkan pendapatan mereka seterusnya hasil pelaburan tadi dapat digunakan untuk melestarikan maqasid syariah dalam pensyariatan zakat.

Bagi menerangkan keharusan menggunakan dana kutipan zakat untuk pembinaan rumah kediaman, premis industri, kompleks perniagaan dan contoh-contoh lain *harta aqar*, Qardawi (2000) menyatakan agihan zakat boleh dibuat dengan dua cara agihan iaitu kifayatul Umr dan kifayatul hayat. Jenis pengagihan pertama berfokus kepada menghapuskan sebab kemelaratan dan kefakiran atau boleh diertikan sebagai memastikan maslahat yang berterusan untuk golongan asnaf. Manakala jenis agihan yang kedua pula berfokus kepada kelangsungan pendapatan hidup golongan asnaf yang tidak berkemampuan di kalangan asnaf fakir dan miskin, khususnya golongan yang sakit, tua, kanak-kanak, ibu tunggal yang hilang punca pendapatan dan golongan yang ditimpa musibah secara mengejut

seperti banjir dan kebakaran. Berpandukan jenis agihan yang pertama, maka institusi zakat diberikan keharusan untuk membina bangunan (*harta aqar*) seperti yang telah disebutkan.

Menurut Qardawi (2015) melalui jawapan balasnya kepada soalan seseorang dan jawapannya telah dinukilkan dalam buku Fatwa Kotemporari, pengeluaran zakat bagi membina masjid dan bangunan supaya syiar islam dapat dizahirkan di dalamnya merupakan agihan zakat yang diperselisihkan oleh ulama dahulu dan kini. Menurutnya lagi, punca perselisihan ini adalah daripada masalah apakah usaha selain jihad dalam peperangan seperti dakwah, pendidikan dan memperkasa ekonomi juga tergolong di dalam maksud ayat asnaf yang merujuk kepada asnaf *fi sabillillah* (Qardawi, 2000). Daripada masalah ini juga apakah pendekatan yang digunakan oleh institusi zakat dalam pembinaan *harta aqar* ini. Adakah dana yang dikeluarkan tadi daripada bahagian asnaf *fi sabillillah* atau selainnya. Fariza dan Ahmad (2016) mencadangkan agar agihan dalam bentuk pembinaan rumah kediaman untuk mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal secara total. Dan bantuan agihan tersebut diambil daripada bahagian asnaf *al-gharimin*.

Berdasarkan prinsip agihan zakat, agihannya perlu menepati prinsip pertanggungjawaban di mana amil (Institusi zakat) hendaklah bertanggungjawab terhadap harta zakat yang dikutip dan yang diagihkan olehnya. Ini bermaksud institusi zakat perlu membuat penyelenggaraan baik akan menjamin maslahat sesuatu *harta aqar* sampai kepada pemilik dan berpanjangan bagi. Penyelenggaraan merupakan aktiviti yang utama dalam pengurusan fasiliti di Malaysia terutamanya melibatkan penyelenggaraan bangunan, loji, peralatan, infrastruktur dan sebagainya Faktor yang penting dalam penyelenggaraan bangunan adalah untuk memastikan semua penghuni bangunan selesa, selamat dan sihat semasa menghuni sebuah bangunan. Pelbagai faktor yang terlibat bagi mencapai perkhidmatan berkualiti, selamat dan sihat dalam bangunan seperti objektif, dasar dan strategi; perancangan; kewangan; prosedur; peraturan dan piawaian serta sumber manusia (Hafizi, Kadir, Shaharuddin, Kadaruddin & Zahedi 2010).

METODOLOGI

Kaedah Kajian: Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan mengadakan temu bual terhadap beberapa orang individu yang mempunyai pengalaman di dalam isu pengagihan zakat dan pembangunan *harta aqar* di negeri Johor Darul Takzim. Temu bual dilaksanakan dengan tujuan mendapatkan informasi asas pengagihan zakat untuk membina, membangunkan dan menguruskan *harta aqar* untuk kemaslahatan golongan asnaf di Johor khususnya. Seramai tiga orang pegawai daripada MAIJ telah ditemubual. Temu bual pertama dan kedua telah dijalankan pada bulan November 2016 di pejabat penolong pengarah bahagian pengurusan harta dan Baitulmal MAIJ, Bangunan Pusat Islam Iskandar Johor. Manakala temu bual ketiga telah dijalankan di pejabat penolong pengarah zakat MAIJ pada bulan Mac 2017.

Kajian ini telah menemubual dengan informan yang pertama iaitu En. Jasdi bin Hassan, namun atas sebab tugas yang datang tiba-tiba, informan ini telah meminta pengkaji bertemu dengan setiausahaannya iaitu Puan Noraini, bagi mewakili dirinya. Oleh kerana informan gantian ini belum begitu bersedia dengan maklumat tertentu, temu bual dijalankan dengan ringkas. Informan gantian ini mencadangkan agar pengkaji bertemu dengan Penolong Pengarah Baitulmal, Ustaz Mohd Rilizam bin Rosli, bagi mendapat penjelasan selanjutnya tentang perkara yang ingin dikaji.

Selepas pertemuan dengan informan gantian, pengkaji terus bertemu dengan informan kedua yang merupakan Penolong Pengarah Baitulmal ketika itu bagi mendapatkan penjelasan tentang pembangunan *harta aqar*. Informan telah menerangkan tentang beberapa peranan Baitulmal Johor yang turut sama membangunkan *harta aqar* untuk mendapatkan pulangan dan mengagihkan semula pendapatan tadi kepada Masarif Baitulmal. Informan juga memberikan pengkaji bahan rujukan yang dapat membantu kajian.

Seterusnya pada bulan Mac 2017, pengkaji bertemu dengan pegawai MAIJ yang berpengalaman 17 tahun bersama MAIJ bagi melanjutkan lagi kajian. Beliau ialah Ustaz Azlan bin Abdullah @ Kuangit, Penolong Pengarah Zakat MAIJ. Maklumat daripada informan ini penting untuk menjelaskan kembali

maklumat yang diterima daripada informan pertama dan kedua, seterusnya mendapatkan maklumat tepat tentang pembangunan *harta aqar* zakat di negeri Johor. Hasil kajian akhirnya diharapkan dapat membuka mata umum tentang usaha-usaha, rintangan dan kejayaan MAIJ di dalam pembangunan *harta aqar*. Seterusnya dapat mendapatkan tatacara pengurusan *harta aqar* zakat yang diamalkan oleh MAIJ di negeri Johor.

HASIL KAJIAN

Harta Aqar Zakat Suatu yang Realiti di Johor:

Kajian mendapati wujudnya amalan membangunkan *harta aqar* menggunakan zakat oleh institusi pengurusan zakat di negeri Johor. Ini diakui sendiri oleh informan di dalam sesi temu bual yang dijalankan. Amalan ini didapati selaras dengan apa yang dijelaskan oleh Qardawi (2000) ketika memberi komentar tentang bentuk pengagihan secara memenuhi kecukupan umur (كفاية العمر) bagi golongan asnaf fakir miskin. Kajian juga mendapati MAIJ menggunakan pendekatan peluasan ruang lingkup agihan kepada asnaf *fi sabilillah*. Jadual 1 menjelaskan maklumat tentang pembangunan *harta aqar* zakat di negeri Johor.

Jadual 1: Jenis *harta aqar* zakat, tujuan, penerima dan sumber pembangunannya.

Jenis <i>Harta aqar</i> ¹	Tujuan Pembangunan ²	Penerima Manfaat ³	Sumber Peruntukan ⁴	Tanggungan kos Selenggaraan ⁵
Premis kediaman: - Rumah serah milik	Membantu asnaf memilkii kediaman dan memperbaiki kediaman	Asnaf fakir dan miskin	Bajet agihan untuk asnaf fakir dan miskin	Ditanggung sendiri oleh pemilik rumah
Premis kediaman: - Rumah transit	Memberikan penginapan sementara.	Asnaf fakir dan miskin	Bajet agihan untuk asnaf fakir dan miskin	Ditanggung oleh MAIJ
Bangunan kegiatan saudara baru	Memberikan pendidikan agama Islam kepada golongan muallaf dan sebagai pusat sosial golongan saudara baru.	Asnaf muallaf	Bajet agihan untuk asnaf muallaf	Bajet agihan untuk asnaf muallaf
Infrastruktur perumahan rumah transit	Menyediakan fasiliti pelengkap di dalam kawasan perumahan. Seperti surau, taman permainan, bangunan gerai dan sebagainya.	Asnaf fakir, miskin dan orang ramai	Bajet agihan untuk asnaf <i>fi sabillillah</i>	Bajet agihan untuk asnaf <i>fi sabillillah</i>
			Peruntukan daripada Baitulmal (mengikut agihan tersendiri hasil Baitulmal yang dikenali sebagai Masarif Baitulmal ⁶ .	Baitulmal

Jenis Harta aqar ¹	Tujuan Pembangunan ²	Penerima Manfaat ³	Sumber Peruntukan ⁴	Tanggungan kos selenggaran ⁵
Sekolah agama / arab	Sebagai pusat memberikan pendidikan teras agama Islam kepada anak-anak kelahiran Johor.	Rakyat Johor	Bajet agihan untuk asnaf <i>fi sabillah.</i>	Bajet agihan untuk asnaf <i>fi sabillah.</i>
Masjid dan surau	Pusat kegiatan masyarakat, dakwah dan ibadah.	Masyarakat Islam secara umum.	Peruntukan daripada kerajaan negeri.	Peruntukan daripada kerajaan negeri.

Nota: ¹ harta *tidak alih*

² tujuan ses sebuah *harta aqar* itu dibangunkan dengan hasil kutipan zakat.

³ golongan asnaf yang menerima manfaat daripada *harta aqar* yang telah dibangunkan.

⁴ sumber peruntukan yang digunakan untuk membangunkan *harta aqar* samada daripada zakat atau bukan zakat.

⁵ pihak atau sumber yang menanggung kos penyelenggaraan *harta aqar*

⁶ istilah yang diberikan kepada bidang yang menerima pembayaran daripada harta Baitulmal. Serupa dengan asnaf zakat dalam urusan agihan zakat.

Sumber: maklumat temu bual

Ustaz Azlan bin Abdullah (informan 3) menjelaskan bahawa bahagian yang diperuntukkan untuk golongan asnaf fakir, miskin dan asnaf *fi sabilillah* merupakan sumber terbesar yang digunakan untuk membangunkan *harta aqar*. Ini adalah berikutan manfaat daripada *harta aqar* tersebut hanya diterima oleh golongan asnaf tersebut. Informan 3 menjelaskan lagi bahawa pengambilan bahagian peruntukan untuk asnaf selain daripada fakir, miskin dan *fi sabilillah* adalah tidak relevan dan tidak mempunyai perkaitan. Kajian mendapati berlaku kerjasama harmoni antara pihak kerajaan dan MAIJ dalam usaha membangun *harta aqar*. Perkara ini dinyatakan oleh informan 3 tentang pembahagian nisbah pembiayaan membina bangunan sekolah agama, 70 : 30 antara pihak kerajaan dan MAIJ. Dan pembiayaan 30 peratus daripada kos sebenar yang ditanggung oleh kerajaan untuk membina masjid baru. (Lihat Jadual 2)

Jadual 2: Pembahagian kerjasama membiayai pembangunan *harta aqar*

Informan	Maklumbalas
Informan 3	<p>‘..bangunan sekolah agama kat Johor ni..zakat masih lagi bantu.. kos binanya ikut nisbah 70:30 dengan kerajaan negeri...70 kerajaan..30 zakat...’</p> <p>‘...bina masjid baru ni biasanya kerajaan..dan zakat <i>top up</i> lagi 30% dari kos pembinaan...haa contohnya kerajaan dah support satu juta, so kita tambah lagi 300 ribu jadi 1 juta 300 ribu...’</p>

Sumber: maklumat temu bual

Risiko Pembangunan *Harta Aqar* di Johor:

Walaupun pembangunan *harta aqar* di Johor oleh MAIJ mendatangkan banyak manfaat kepada golongan asnaf, namun usaha ini turut berhadapan dengan beberapa risiko yang semestinya dihadapi dan diurus oleh MAIJ. Kajian ini dapat membuktikan usaha ini sentiasa berdepan dengan risiko dan dapat disimpulkan di sini perkara yang sering menjadi isu pembangunan *harta aqar* adalah isu hasil kutipan, isu sikap penerima bantuan dan isu kenaikan kos bahan binaan. Ini dapat dilihat daripada Jadual 3. Berpandukan pengalaman risiko ini, Kajian mendapati MAIJ membuat inisiatif untuk mengurus risiko-risiko ini dengan harapan dana zakat yang

telah dikumpulkan dapat diagihkan secara efisyen. Antara inisiatif yang dibuat ialah menetapkan kontrak perjanjian dengan penerima, membuat pemantau di rumah transit yang berpenghuni sebanyak sekali dalam 2 tahun, meminimakan jumlah agihan dalam bentuk bantuan baiki rumah dan mendapat kerjasama daripada aspek menyumbangkan peruntukan daripada Baitulmal dan kerajaan.

Memanfaatkan Lebihan Agihan Zakat Tahunan Terkumpul :

Lebihan agihan zakat tahunan bermaksud lebihan dana zakat yang terkumpul daripada semua saham asnaf selepas ia dianggihkan kepada yang berhak. Kajian ini mendapati MAIJ menggunakan lebihan zakat tahunan ini untuk membiayai projek pembangunan *harta aqar* oleh institusi di bawah MAIJ atau MAIJ itu sendiri. Terlebih dahulu Informan 3 menerangkan bahawa secara asasnya institusi zakat tidak boleh memiliki yang mana semua hasil kutipan hendaklah diagihkan dan sebagai tambahan pembinaan bangunan bukan asas dalam pengagihan. Namun begitu menjadi satu keuntungan atau kelebihan sekiranya institusi agama Islam ini mendapat pemilikan terhadap harta tanah (*harta aqar*) di kawasan komersial dan penempatan penduduk. Sebagai contoh, informan 1 dan 3 menjelaskan sekiranya unit di dalam MAIJ ingin memulakan suatu projek pembangunan *harta aqar*, akan tetapi unit berkenaan menghadapi kekurangan, maka pinjaman daripada lebihan dana zakat dibuat sebagai pendahuluan projek berkenaan. Setelah projek selesai dan mendapat pulangan daripada sewaan penyewa, nilai pendahuluan tadi dipulangkan kembali kepada zakat untuk dimasukkan ke dalam akaun agihan tahun berikutnya. Informan 3 menegaskan transaksi ini hanya berlaku apabila unit zakat mempunyai lebihan tahunan.

Jadual 3: Isu risiko pembangunan *harta aqar*

Informan	Maklumbalas
Informan 1	‘..baitulmal tiada duit yang mencukupi...so dia mohon pendahuluan dari zakat...kemudian bila dapat <i>income</i> .. wang pendahuluan yang dipinjam tu dibayar balik pada zakat...’
Informan 2	‘...hartanah yang dibina guna wang zakat memang hampir takde sebab belum sempat nak dilabur dia dah lebur.....’
Informan 3	‘...bina bengkel guna zakat memang takde..tak sama macam kat selangor...kalau kami bina bengkel pun jadi masalah dari segi nak kumpul orang tu...patut diorang boleh lah pergi sendiri tapi diorang ni manja....’
Informan 3	‘...ada penyewa asnaf tak bayar sewa ... bila tak bayar sewa jadi masalah audit pulak... diorang cakap ini harta baitulmal, harta orang islam...tak bayar sewa pun takpe.’
Informan 3	‘..kita hadapi masalah pasal rumah transit ni...sepatutnya dia kena keluar..tapi susah..ada kes kat Sagil, Tangkak kita beri bantuan rumah transit dan bantuan anak belajar kat universiti... tapi bila anak dah habis belajar dan dapat kerja.. diorang cakap anak tak bantu...pendekatan kita suruh dia keluar tapi tak mahu keluar..kita tak nak lah sampai jadi kes mahkamah...’
Informan 3	‘..selepas dua tahun kita datang pantau... sama ada mereka masih perlukan lagi ke tak..kalau pendapatan keluarga dah bagus, anak-anak dah berkerja mampu sara hidup..dengan segala hormatnya diorang kena keluar...’
Informan 3	‘..kita nak arahkan diorang keluar ni kena hati-hati silap hemat jadi viral sana sini. Tapi kita hantar surat arahan je. Ini isu sensitif...’
Informan 3	‘..ada kes kat rumah transit, suami isteri gaduh..isteri kena halau..sedangkan rumah tu pun ada nama isteri...’

-
- Informan 3 ‘..rumah kos rendah kami beli kemudian kami pindah milik pada asnaf dengan syarat diorang tak boleh jual...tapi diorang jual jugak...nak buat camne rumah tu pun dah jadi milik dia.’
-
- Informan 3 ‘..satu lagi masalah nak bangunkan harta tanah ni..kurang tapak nak bina bangunan..ada orang kata tanah waqaf kat Johor ni banyak...tapi itu tanah waqaf..maka tanah tu diperuntukkan untuk berkaitan waqaf yang biasanya guna jadikan kubur, bina sekolah agama dan lain. Kalau ada tanah waqaf am boleh lah buat bangunan..tapi itu pun tengok lokasi...’
-
- informan 3 ‘..halangan dari zakat memang takde ..sebab kalau cukup syarat zakat akan diagihkan..Cuma halangan orang tak bayar zakat...maksudnya bukan tak bayar terus tapi akibat masalah ekonomi, kutipan tak memberangsangkan... ada syarikat yang dulu bayar bayar tapi tahun ni bayar kurang sikit...’
-
- Imforman 3 ‘..masalah lagi isu berpanjangan rumah ini...rumah jadi buruk...belum sempat settlekan 100 rumah buruk rumah lain jadi buruk, kena makan anai-anai, mereput, rosak. Tu yang MB cadangkan bantuan bentuk perumahan ni dihapuskan....’
-
- Informan 3 ‘...kami ada cadang nak ambil bangunan Pekan Rabu... tapi tak jadi pasal risiko.. labur banyak lepas tu gagal nanti terpalit dengan persepsi buruk orang terhadap institusi zakat..’
-

Sumber: maklumat temu bual

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

1. Pembangunan *Harta Aqar* Zakat Selaras dengan Maqasid

Pembangunan *harta aqar* zakat adalah suatu inisiatif yang baik dilaksanakan oleh institusi pengurusan zakat seperti MAIJ. Daripada dimensi golongan fakir dan miskin usaha ini dilihat dapat mencapai objektif sebenar pengagihan zakat kepada golongan ini. Ini kerana menurut Qardawi (2000), objektif pengagihan zakat kepada golongan ini bukanlah hanya untuk menjadikan seorang miskin atau fakir itu kaya, akan tetapi ia lebih kepada memberikan jaminan sosial kepada golongan fakir dan miskin agar mereka menjalani kehidupan selayaknya sebagai manusia yang dimuliakan oleh Allah S.W.T. di dunia. Pembinaan rumah baru untuk asnaf fakir dan miskin melalui skim bantuan pembinaan rumah baru dan skim bantuan baikpulih rumah dapat memenuhi keperluan asas dalam kehidupan bagi golongan tersebut di samping memberi peluang kepada golongan fakir dan miskin memiliki aset yang berharga. Berkenaan rumah transit juga didapati memberi manfaat kepada golongan tersebut. Keperluan individu secara umumnya kepada tempat tinggal ini dijelaskan Allah S.W.T. melalui firmanNya yang bermaksud:

Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal dan Dia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: Khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti dan (Dia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa.

(Surah an-Nahl : 80)

Menurut al-Imam Ibnu Kathir (2000) perkataan بُيُوتٌ atau rumah merupakan tempat tinggal yang boleh memberikan mereka perlindungan daripada cuaca luar, melindungi maruah pemiliknya dan dia boleh mengambil manfaat yang pelbagai darinya. Secara tidak langsung

tindakan membangunkan *harta aqar* ini bertepatan dengan kehendak syarak yang terkandung di dalam ruang lingkup maqasid sama ada dalam aspek Daruriyat, Hajiyat dan juga Tahsiniah. Namun begitu ia perlu juga dilaksanakan dengan prinsip pengagihan yang betul seperti **الْأَمَانَةُ** (integriti), **الْمُرَاكِبَةُ** (pemantauan), **الْحُصُوصِيَّةُ** (mengkhusus), **الْخَيْرُ الصَّادِقُ** (Telus), **الْإِقْسَادُ** (berhemah), **الْمَسْؤُلَيَّةُ** (kepertanggungjawaban) dan sebagainya seperti mana yang dijelaskan dalam Manual Pengurusan Agihan Zakat oleh JAWHAR (2007).

2. Agihan Zakat kepada *Fi Sabilillah* Bertunjangkan Tujuan Memberikan *Nusrah* (Kemenangan) kepada Agama Islam

Kajian mendapati pembangunan masjid dan pusat pendidikan agama Islam menggunakan agihan zakat didapati selaras dengan tujuan pengagihan zakat kepada asnaf *fi sabilillah*. Kegiatan dakwah islam dan pendidikan islam merupakan teras di dalam agama Islam. Ia merupakan salah satu cabang daripada jihad untuk membasmi kejahilan dan kesesatan. Membangunkan masjid dan pusat pendidikan di negeri Johor khususnya merupakan sebagai pelengkap bagi kegiatan penyebaran ilmu dan dakwah. Menurut Qardawi (2000):

“Dalam beberapa keadaan, kemenangan bagi agama Allah, jalan-jalanNya dan syariatNya dapat direalisasikan dengan peperangan bersenjata. Bahkan cara ini (berperang) kadang-kadang hanya diperlakukan dalam beberapa keadaan dan tempat. Namun begitu kadang-kadang muncul keadaan di mana peperangan dalam bentuk ideologi ini lebih penting, jauh lebih kritis dan mempunyai implikasi yang lebih besar berbanding peperangan bersenjata, keadaan ini berlaku pada masa kini.”.

3. Peningkatan Nilai Hartanah Menuntut Kerjasama Kerajaan Negeri dan Pusat

Kajian mendapati MAIJ sebagai institusi pengurusan zakat berhadapan dengan masalah kenaikan nilai harta tanah, kenaikan kos bahan binaan dan kenaikan penyelegaraan harta tersebut. Disebabkan oleh itu informan 3 memaklumkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini berlaku

pengurangan bayaran zakat daripada syarikat korporat. Pengurangan ini berlaku akibat faktor-faktor kenaikan yang telah disebutkan. Implikasinya dana membangunkan *harta aqar* akan terjejas sedangkan keadaan sekarang dan akan datang memerlukan lebih banyak unit-unit rumah mampu milik dan kos rendah serta *harta aqar* yang memberikan khidmat sosial kepada masyarakat. Dalam keadaan ini kerjasama daripada pihak kerajaan negeri atau pusat serta institusi Baitulmal adalah dituntut. Kerjasama membiayai pembinaan masjid baru di Johor contohnya, merupakan suatu kolobelerasi yang harmoni di antara pihak kerajaan dan institusi zakat di dalam membangunkan Islam dan negara. Penetapan nisbah kerjasama dana 70:30 seperti yang dijelaskan oleh informan 3, antara pihak kerajaan dan institusi zakat adalah wajar diteruskan atau diperkemaskan.

4. *Harta Aqar Zakat Merupakan Salah Satu Peluang Pelaburan dalam Bidang Hartanah*

Menurut Ataina dan Achmad (2010), bagi menambahkan pendapatan penerima zakat, pelaburan Zakat adalah dibenarkan dalam Islam berdasarkan Hadith Imam Bukhari tentang keharusan bagi ibnu sabil (orang yang di dalam perjalanan) menggunakan susu unta zakat, keharusan ini mungkin boleh diaplikasikan dalam perkara yang hampir sama iaitu sekiranya pulangan daripada unta adalah susunya maka pulangan daripada *harta aqar* zakat ialah hasil sewaan dan pelbagai lagi. Organisasi Persidangan Majlis Fiqh Islam (FCICO) dalam fatwa terkini pula telah meluluskan pelaburan zakat dengan dua syarat, yang pertama pelaburan zakat boleh dilaksanakan apabila terdapat lebihan agihan selepas pengagihan zakat kepada penerima zakat (asnaf zakat) sempurna. Yang kedua dana zakat tidak dilaburkan dalam pelaburan yang boleh menyebabkan kerugian pada dana yang dilaburkan. *Harta aqar* zakat boleh disifatkan sebagai pelaburan zakat dalam bidang hartanah. Di Malaysia pelaburan dalam hartanah bukan perkara yang asing contohnya Islamic Real Estate Invesment Trust (I-REIT). Menurut Ahmad Wajdi (2008) I-REAT merupakan pelaburan yang memberikan pulangan yang agak stabil dan memberikan peluang kepada para pelabur melabur dalam pelaburan berasaskan syariah.

Cadangan: Kajian mendapati setiap 2 tahun sekali MAIJ akan datang memantau rumah transit yang diduduki oleh asnaf. Jarak masa dua tahun

sekali merupakan jarak masa yang lama dan panjang. Oleh itu dicadangkan agar pihak MAIJ melantik ketua kampung atau mana individu yang tinggal berdekatan rumah transit untuk menjalankan pemantau keadaan rumah transit dan keadaan penghuni rumah tersebut. Individu pula hendaklah membuat laporan setahun dua kali atau setahun sekali. Ini bertujuan memudah proses muraqabah dan tindakan segera daripada pihak MAIJ seterusnya dapat meminimakan kesan risiko.

Dicadangkan juga agar ada satu enakmen tentang pengagihan zakat kepada membeli atau membangunkan *harta aqar* di Johor. Enakmen ini perlu mendapatkan sokongan daripada Majlis Fatwa negeri Johor. Setelah enakmen ibentuk dan pendapat sokongan Majlis Fatwa, satu standard pengurusan *harta aqar* zakat perlu diwujudkan iaitu yang merangkumi; penilaian terhadap sumber kewangan zakat semasa, penentuan bajet berkaitan *harta aqar*, unit pengurusan risiko *harta aqar* zakat, penilaian terhadap lokasi *harta aqar* zakat dan pengiklanan *harta aqar* zakat kepada umum.

Kajian ini mendapati institusi pengurusan zakat dengan risiko sikap penerima bantuan zakat dalam bentuk bantuan penginapan di rumah transit dan penyalahgunaan bantuan yang diberikan. Menurut Rosbi dan Sanep (2010) penilaian kejayaan agihan tidak hanya boleh dinilai dengan skor kecekapan lebihan zakat secara tahunan, yang mana semakin nilai skor mendekati nilai sifar, ia memberikan gambaran pengagihan yang terbaik seperti yang dijelaskan oleh Hairunizam et. al. (2015) akan tetapi menurut Rosbi dan Sanep (2010) kejayaan suatu pengagihan semestinya perlu disandarkan dengan kejayaan mencapai maqasid syariah melalui pengagihan zakat daripada aspek memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, pemberian bantuan zakat kepada golongan asnaf di dalam apa-apa bentuk mestilah disokong dengan gerakan dakwah dan pentarbiahan terhadap golongan asnaf dengan memperkasakan institusi dakwah dan sistem pendidikan.

Kajian ini mendapati ada banyak lagi ruang yang boleh dikaji untuk melanjutkan lagi kajian ini seperti membuat perbandingan pengurusan *harta aqar* zakat antara negeri-negeri di Malaysia dan pembentukan satu model standard yang boleh digunakan untuk pengurusan pembangunan *harta aqar* zakat.

KESIMPULAN

Pengagihan zakat dengan membangunkan *harta aqar* bukan sahaja berpotensi meningkat pemilikan harta tanah di kalangan umat Islam dan institusi Islam tetapi ia dapat dimanfaatkan untuk merealisasikan maqasid atau tujuan sebenar pengagihan zakat seperti yang disarankan oleh Islam. Iaitu memberikan jaminan sosial yang dapat membantu golongan asnaf fakir dan miskin agar mendapatkan kehidupan yang selayaknya sebagai manusia yang dimuliakan Allah S.W.T. Tidak sampai bergelandangan, tidak tidur dengan berbatalkan lengan dan berselimutkan embun. Juga diharapkan agar pembangunan *harta aqar* ini dapat membantu institusi dakwah dan pendidikan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat yang masih dahagakan bimbingan dan ilmu. Dengan penuh keyakinan, pembangunan *harta aqar* zakat dan kejayaannya dapat meningkatkan persepsi baik masyarakat terhadap institusi zakat lantas dengannya diharapkan agar keyakinan masyarakat membayar zakat melalui institusi zakat meningkat.

RUJUKAN

Rujukan Bercetak :

Al-Quran

Ahmad Wajdi Dusuki., 2008. Practice and Prospect of Islamic Real Estate Investment Trusts (I-REITs) in Malaysian Islamic Capital Market. Proceeding of international conference. Islamic Research & training Institute. Saudi. p.265..

Ahmed, H., 2003, September. The role of Islamic financial institutions in financing microenterprises: Theory and practice. In *Forum on Islamic Economics and Finance held in Amman Jordan during September* (pp. 27-29).

Ataina & Achmad. 2010. Management Of Zakat: Centralised Vs Decentralised Approach. Proceeding of seventh international conference the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. UKM. Bangi. p.352.

Hafizi Zakaria, Kadir Arifin, Shaharuddin Ahmad, Kadaruddin Ayub & Zahedi Fisal. 2010. *Pengurusan Fasiliti Dalam Penyelenggaraan Bangunan: Amalan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan*. Vol. 2. No. 1.. Journal Of Techno-Social. ISSN 2229-8940 UTHM.

Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. 2009. *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA),UITM.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor & Maryam Abd Rashid (2016). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri. Dalam Fatin Faizah et. al. (2016) Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke 11 2016: Bangi: Fakulti Ekonomi & Pengurusan UKM.

Hamdana dan Ahmad Azam. 2010. *Potensi Amanah Pelaburan Islam (I-REAT) Dalam Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia*. Jilid 1. Prosiding PERKEM V. 140 – 147. ISSN: 2231-962X

Hj. Muhammad Noor Haji Ibrahim & Syeikh Abdullah Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Arrahman Kepada Pengertian Al-Quran*: Kuala Lumpur. Darulfikr.

Ibnu Kathir. 1420H/2000. *Tafsirul Qur'anil Azim*. Vol. 2. Ed. Ke-2. Bairut. Dar Ehia Al-Tourath Al-Arabi.

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2011. *Ekonomi Islam Satu Pendekatan Analisis*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Wakaf, Zakat & Haji. 2007. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Cetakan pertama. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Jabatan Perdana Menteri.

Qardawi, Yusuf. 1420H/2000. *Fiqhuz Zakat, Dirasatu Muqaranati li Akhamiha wa Falsafatiha fi Dhau'il Qur'an was Sunnah*. Vol. 2. Ed. Ke-24. Beirut. Al-Resalah Publisher.

Qardawi, Yusuf. 2015. *Terjemahan Fatwa Kontemporari Siri 2 Ibadah, Wanita & Keluarga*. Vol. 2. Ed. Ke-1. Kuala Lumpur. PTS Publishing House Sdn Bhd.

Rosbi Abdul Rahman & Sanep Ahmad. 2010. Pengukuran keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif maqasid al-syariah. Proceeding of seventh international conference the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. UKM. Bangi. 447.

Sanep Ahmad 2009. Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat. *Prosiding PERKEM IV. Kuantan Pahang*.

Siti Fariza, Azman, Sanep dan Hairunnizam. 2016. *Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat Dan Cadangan Pengaplikasianya Di Malaysia*. Vol. 8. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2005. Guideline on Islamic Real Estate Investment Trust. Kuala Lumpur.

Zainal Abidin Hashim. 2010. *House price and affordability in housing in Malaysia*. *Akademika*, 78, pp.37-46.

Zuhaili, Wahbah. 1422H/2002. *Al-Fiqhul Islami wa Adillatih*. Vol. 3. Ed. Ke-4. Damsyik. Darul Fikr.

Rujukan Atas Talian:

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a2d6eee289c96af248257029000e1c41?OpenDocument

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/67e67d1acc5599664825711e00080def?OpenDocument

http://www.majj.gov.my/?page_id=22 latarbelakang

Teks Ucap Utama Perdana Menteri. <http://www.epu.gov.my/ms/content/majlis-pemerkasaan-ekonomi-bumiputera>

LAMPIRAN

Kod	Nama Informan	Jawatan/ kelayakan
Informan 1	En. Jasdi bin Hassan	Penolong Pengarah Pembangunan Harta dan Pelaburan MAIJ
Informan gantian	Puan Noraini	Setiausaha Penolong Pengarah Pembangunan Harta dan Pelaburan MAIJ
Informan 2	Ustaz Mohd Rilizam bin Rosli	Penolong Pengarah Baitulmal (2016)
Informan 3	Ustaz Azlan bin Abdullah @ Kuangit	Penolong Pengarah Zakat Maji (2017)

Jadual 4: Senarai Nama Informan

Sumber: maklumat kajian

PENEROKAAN SUMBER-SUMBER BARU BAITULMAL¹

Indera Shahril bin Mohd Shahid²

Definisi Baitulmal

Pada umumnya hanya terdapat satu sahaja institusi kewangan dan pemegang amanah harta dalam Islam iaitu Baitulmal. Harta-harta yang terkumpul dalam khazanah Baitulmal merupakan harta negara dan dimiliki oleh semua rakyat yang tinggal di negara tersebut. Baitulmal mengikut pandangan *al-Mawardi* menggambarkan ia seperti tempat merekodkan pembahagian dan pengumpulan harta.³ Jika dilihat tafsiran mengikut *Dictionary of Islam*, ia boleh ditakrifkan sebagai perbandaharaan negara yang menerima wang yang dipungut oleh negara Islam daripada pelbagai sumber seperti zakat, *ghanimah*, *jizyah* dan lain-lain.⁴

Sejarah Penubuhan Baitulmal

Sumber yang dinukilkkan oleh Ibn al-Athir menunjukkan bahawa Saidina Umar al-Khattab R.A. adalah perintis pertama yang membina Baitulmal. Walaupun begitu banyak sumber menunjukkan bahawa Saidina Abu Bakar R.A. adalah perintis yang pertama membina Baitulmal. Dikatakan bahawa Abu Bakar dan Umar pernah melantik Muaiqib bin Abi Fatimah menjadi penguasa Baitulmal.

Ibn al-Athir pada tempat yang lain pula berkata: Bahawa Abu Bakar R.A. mempunyai Baitulmal di sebuah perkampungan di Madinah. Beliau menetap di situ sehingga berpindah ke Kota Madinah. Apabila ditanya kepadanya:

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 pada 20hb. Ogos 2015 bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

² Penulis merupakan Pengurus Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor.

³ Al-Mawardi (1983), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Dar al-Shahab li al-Tiba'ah, Kaherah, hal. 124

⁴ Patrick Thomas Huges (1964), *Dictionary of Islam*, Lahore Premier Book House, Lahore, hal. 35

Perlukah kami melantik pengawal untuk menjaganya? Dia menjawab: Tidak, lantas beliau infakkan semuanya untuk umat Islam. Apabila beliau berpindah ke Kota Madinah maka dijadikan Baitulmal di rumahnya.

Selepas wafatnya Abu Bakar R.A., Umar R.A. telah menghimpunkan orang yang beramanah dan membuka Baitulmal. Beliau berkata: Abu Bakar R.A. telah memerintahkan supaya dikembalikan semua yang diberi kepadanya kepada Baitulmal selepas dia wafat.⁵

Di zaman Umar al-Khattab R.A. apabila semakin banyak wilayah dikuasai. Harta rampasan perang yang banyak serta tanah baru telah mendatangkan masalah baru. Oleh itu telah dicadangkan untuk ditubuhkan *Diwan* bagi menjaga kepentingan harta tersebut dan kegunaannya. Dengan itu juga, Saidina Umar telah meletakkan asas dalam pentadbiran dan penyelarasaran Baitulmal sesuai dengan perkembangan sosial dan ekonomi ketika itu. Maka bertitik tolak dari situlah, Baitulmal terbentuk secara rasmi dalam negara Islam.⁶

Baitulmal di Malaysia

Jika dilihat dari konteks Baitulmal di awal Islam, ternyata ia merupakan satu perbendaharaan bagi sebuah negara. Namun bagi Malaysia kini, skop dan fungsinya adalah kecil. Pentadbiran perbendaharaan negara dipecahkan kepada dua iaitu melalui Kementerian Kewangan dan Baitulmal di Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Kedudukan bidang kuasa Baitulmal dapat dilihat berdasarkan Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri yang memberi kuasa kepada negeri dalam bidang kuasa Zakat, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya.⁷

⁵ Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Institusi Baitulmal: Sejarah dan Peranannya dalam Konvensyen Baitulmal Negeri Selangor 2012 pada 28 Februari 2012.

⁶ Hailani Muji Tahir, 1982, Baitulmal: Institusi Kewangan Negara Islam, al-Rahmaniyyah, Kuala Lumpur, hal.60

⁷ Jadual Kesembilan Senarai II – Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, "Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama,

Perkara 74 (2), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, “*Tanpa menjelaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.*”

Oleh kerana itu dengan kuasa yang diberikan kepada badan perundangan negeri maka struktur pengurusan Baitulmal terletak di bawah MAIN. Sebagai contoh, penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan bidang kuasa ke atas pentadbiran hal ehwal orang Islam di negeri Selangor. Lebih jelas lagi, di bawah Seksyen 81(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa, “*Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.*”

Peruntukan di atas dilihat hampir sama di kebanyakan negeri yang mana Baitulmal di bawah MAIN secara umumnya berbidang kuasa ke atas wang atau harta berdasarkan Hukum Syarak.⁸ Walau bagaimanapun, terdapat juga

pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu.”

⁸ Sebagai contoh Seksyen 81(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Seksyen 70(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 69(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dan Fasal 81(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

negeri yang mengasingkan tugas Baitulmal kepada satu perbadanan khusus seperti Perbadanan Baitulmal Sabah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998.⁹

Dari segi pengelolaan wang Baitulmal, Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan, *“Jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-undang persekutuan apa-apa Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”*

Berdasarkan peruntukan tersebut, ini menunjukkan bahawa Baitulmal merupakan salah satu daripada Kumpulan Wang Majlis yang menjadi bidang kuasa Majlis untuk mentadbirnya.

Setiap negeri adalah berbidang kuasa untuk menujuhkan satu Kumpulan Wang di setiap negeri masing-masing. Sebagai contoh, dalam Seksyen 81(1) EPAINS 2003, manakala bagi Wilayah Persekutuan bidangkuasa Baitulmal ditentukan berdasarkan Kaedah-kaedah Baitulmal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980 (Pindaan) 1996. Kebanyakan negeri menyebut Baitulmal sebagai satu Kumpulan Wang atau Kumpulan Wang Baitulmal dan ada juga yang menyebut Kumpulan wang Khairat Am. Meskipun namanya berbeza-beza mengikut negeri, namun fungsinya adalah sama.

Namun apa yang lebih menarik di sini ialah Baitulmal juga boleh meliputi orang bukan Islam (*non-muslim*). Sebagai contoh dalam Seksyen 100 Ordinan Sarawak (Perbadanan) 1984 membolehkan orang bukan Islam untuk mencarum dalam Baitulmal. Begitu juga dalam Kaedah Wakaf Johor 1983 yang membolehkan wakaf dibuat oleh orang bukan Islam.

Selain itu, segala aset dalam Baitulmal juga boleh dilaburkan dari semasa ke semasa. Berdasarkan Seksyen 81(4) EPAINS 2003 menjelaskan bahawa

⁹ Enakmen 11 Tahun 1998

segala aset atau Kumpulan Wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual atau dilaburkan. Malah Seksyen 81(5) EPAINS 2003 juga menyebut bahawa Majlis dengan kelulusan DYMM Sultan boleh membuat peraturan tentang pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Baitulmal.

BAITULMAL DI SELANGOR

Secara umumnya, ramai yang tidak mengetahui mengenai Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Apa yang diketahui umum ialah MAIS, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah. Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor adalah satu Kumpulan Wang yang mengandungi semua wang dan harta sama ada alih atau tidak alih menurut hukum syarak. Ia terdiri daripada harta zakat, wakaf, pusaka, wasiat, wang tidak patuh syariah dan sebagainya yang dirumuskan terdapat lebih 30 jenis harta dalam Baitulmal yang sedang MAIS laksanakan secara berperingkat.¹⁰ Semua harta orang Islam dalam negeri Selangor adalah menjadi tanggungjawab kepada MAIS melalui Baitulmal untuk mengurus dan mentadbirnya jika telah ditentukan dan diputuskan oleh prosedur, fatwa dan undang-undang yang berkaitan.

Dalam hal ehwal berkaitan pengurusan zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) yang ditubuhkan 20 tahun lalu, begitu sinonim dengan pengurusan zakat di Negeri Selangor. Sebagai institusi zakat yang memegang amanah, LZS (MAIS) terus komited menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan zakat serta memastikan pengagihan zakat yang dilaksanakan efisien, efektif dan berkesan selaras dengan tuntutan syarak.

Dengan motto ‘Meneraju Perubahan’, LZS (MAIS) sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggannya iaitu pembayar dan penerima zakat. Dibantu dengan tenaga lebih 400 orang warga kerja serta disokong oleh 25 buah cawangan LZS di seluruh Selangor, LZS (MAIS) terus menjalankan amanah sebagai amil dan amilin yang mempunyai integriti, jujur dan telus dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

¹⁰ Abdul Halem Hafiz bin Solihin, Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor: Peranan kepada Umat Islam Negeri Selangor dalam Konvensyen Baitulmal Negeri Selangor 2012 pada 28 Februari 2012.

Dalam tempoh dua dekad penubuhannya, Lzs (MAIS) meningkatkan kecemerlangannya sebagai institusi zakat yang disegani dengan sentiasa mempergiatkan gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat menunaikan rukun Islam ini. Manakala, pengagihan zakat juga ditambah baik agar menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang ditetapkan dalam al-Quran melalui lima program pembangunan utama asnaf iaitu Program Pembangunan Sosial, Pendidikan, Ekonomi, Insan dan Pembangunan Institusi Agama.

Hari ini, Lzs (MAIS) berdiri menjadi institusi zakat yang berwawasan dan mengamalkan pengurusan terbaik dalam menjana dan memartabatkan kecemerlangan bukan sahaja asnaf malahan ummah secara keseluruhannya. Ramai usahawan yang berdaya maju dilahirkan, anak-anak asnaf cemerlang dalam pendidikan dapat menyambung pengajian, keluarga mempunyai tempat perlindungan yang selesa malahan bebanan kos perubatan tinggi dapat diringankan. Sesungguhnya, Lzs (MAIS) akan terus memegang dan menunaikan amanah sebaik mungkin agar rukun Islam ini dapat dijunjung dan dimartabatkan.¹¹

Manakala bagi hal ehwal pengurusan wakaf, MAIS telah menujuhkan Perbadanan Wakaf Selangor pada 3 Februari 2011 yang objektifnya untuk meningkatkan nilai tambah dalam pengurusan harta wakaf dan membudayakan amalan wakaf ke arah membangunkan ekonomi ummah berdasarkan Hukum Syarak.

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) MAIS, berfungsi untuk memberi nasihat kepada MAIS berkenaan dengan dasar, cara dan langkah yang perlu dilaksanakan dan diambil untuk menggalakkan pembangunan harta dan produk wakaf. PWS MAIS juga bertindak sebagai agensi penyelaras di dalam pelaksanaan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat dan mengurus serta menjalankan penyelenggaraan harta wakaf termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat dan alat di kawasan harta wakaf.

¹¹ Lihat <http://www.zakatselangor.com.my/info-lzs/sejarah-lzs/>

SUMBER BARU BAITULMAL DAN POTENSINYA

Baitulmal haruslah dilihat sebagai institusi perpendaharaan dan kewangan yang dikagumi dalam negara ini mahupun di negeri masing-masing. Peranannya dalam menjana kekuatan dan keseimbangan ekonomi perlulah diperhebat supayakekayaan sebenar umat Islam dapat dimanfaatkan secara bersama dan seoptimum mungkin.

Kita tidak seharusnya hanya melihat semata-mata kepada sumber zakat atau wakaf untuk menjana kemajuan ekonomi dan sosial. Ini kerana hasil kutipan zakat telah dikhkususkan penerimaanya hanya kepada lapan golongan asnaf. Manakala hasil wakaf pula adakalanya telah dikhkususkan oleh pewakaf untuk manfaat khas dan aset pokoknya tidak boleh diurusniagakan sesuka hati. Jika kita hanya bergantung kepada kedua-dua sumber tersebut, maka sampai bila-bila pun agihan kekayaan tidak mungkin menjadi seimbang. Justeru, di sinilah perlunya Baitulmal melebarkan sayapnya untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang ‘terhijab’ daripada mendapat manfaat zakat dan wakaf. Ke arah itu, perlulah juga *locus standi* Baitulmal ditingkatkan supaya tangannya mampu mencapai harta-harta yang selama ini tidak mampu disentuh oleh instrumen wakaf, zakat dan seumpamanya.¹²

Mengambil contoh di negeri Selangor, bertitik tolak daripada peluasan konsep zakat dan wakaf yang telah diperbadankan, maka Baitulmal MAIS harus mencari jalan mengenalpasti sumber-sumber yang boleh dijana dan diperolehi daripada umat Islam untuk ‘dikembalikan’ semula kepada umat Islam melalui sumber selain dari zakat dan wakaf.

Antara sumber-sumber Baitulmal, MAIS yang telah diteroka dan dilaksanakan adalah wasiat, hibah, harta pusaka bahagian Baitulmal (tidak berwaris, tiada waris *asabah* dan *mafqud*), wang amanah, wang orang berhutang, wang atau harta tidak patuh syariah, wang atau harta luqatah, wang tak dituntut, pelaburan mudharabah, derma khairat khas, fi Jabatan Agama Islam Selangor, fi dan denda Mahkamah Syariah Selangor, *qardul hasan*, derma anak yatim, *gharamah* bank dan sejaan hartanah Baitulmal.

¹² Juraish Kamarudin, *Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-Undang Syariah*, Jurnal Pengurusan Jawhar No. 2 2008.

Mengambil sebahagian sumber Baitulmal di atas untuk dijadikan contoh seperti **wasiat**, MAIN melalui Baitulmal boleh melaksanakan wasiat sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) iaitu, “*Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat.....*”.¹³ Bidang kuasa ini membolehkan MAIN atau Baitulmal menyediakan perkhidmatan penulisan wasiat dan mewakili si mati sebagai wasi bagi harta yang diwasiatkannya.

Potensinya amat besar sekiranya umat Islam menggunakan MAIN atau Baitulmal sebagai sebuah perbadanan yang kekal turun-temurun¹⁴ dan dipercayai untuk menguruskan wasiat si mati seterusnya melaksanakan niat pewasiat lebih-lebih lagi sekiranya dalam wasiat tersebut dinyatakan wakaf kepada masjid, sedekah kepada orang-orang miskin, sumbangan kepada anak yatim dan seumpamanya. Tugas ini menjadi lebih mudah kerana MAIN mempunyai bidang kuasa dan akses kepada semua institusi umat Islam. Malahan di bawah Seksyen 20(2)(j), Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 telah memperuntukkan bahawa, “*Baitulmal hendaklah terdiri daripada wang tunai dan harta sama ada yang boleh dipindah milik atau tidak mengikut Hukum Syarak seperti; semua harta atau wang yang didevis dan dibekues oleh orang-orang Islam kepada Baitulmal*” dan Seksyen 75(1) (d), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 memperuntukkan, “*Sumber am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara; wasiat am.*”

Dari segi **terimaan harta pusaka bahagian Baitulmal**, ia hanya menjadi sumber kepada Baitulmal melalui perintah yang dikeluarkan melalui Perintah Faraid Mahkamah Syariah atau Surat Kuasa Mentadbir daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) atau Mahkamah Tinggi Sivil atau AmanahRaya Berhad (ARB). Sungguhpun peluang Baitulmal untuk memperolehi harta pusaka percuma ini pada kadar sekitar 0.05%

¹³ Sebagai contoh Fasal 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

¹⁴ Seksyen 5(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa kesamaan dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis.

sahaja daripada keseluruhan harta pusaka orang yang mati, namun kini, Baitulmal sewajarnya boleh mengorak langkah mencari sumber harta pusaka ini melalui permohonan yang dikemukakan oleh Baitulmal kepada institusi terlibat. Kesannya lebih besar apabila Baitulmal sendiri mengemukakan permohonan ke atas harta pusaka lebih-lebih lagi tidak berwaris yang tidak diketahui kedudukannya sama ada dari penduduk setempat ataupun mana-mana pihak lain. Hal ini yang kadangkala timbulnya apa yang dikatakan sebagai harta beku oleh kerana tiada pihak yang menuntutnya.

Dalam hal ini juga kadang kala akan timbul **harta mafqud** yang mana boleh diputuskan kedudukannya kepada Baitulmal. Baitulmal MAIS telah memulakan langkah ini melalui kes harta pusaka Almarhum Hj. Samad bin Ismail yang mana Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam telah memutuskan Baitulmal sebagai penerima harta pusaka waris yang *mafqud*.

Dalam hal berkaitan harta pusaka juga, sewajarnya Baitulmal telah boleh meneroka peluang sebagai **pentadbir harta pusaka si mati**. Ia sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu, “..... **sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati**”

Namun kebanyakan kita menganggap MAIN atau Baitulmal hanya boleh menjadi pentadbir bagi sesuatu harta pusaka yang Baitulmal menjadi benefisiari sahaja. Pada hal, ianya boleh melangkaui lebih daripada itu iaitu mewakili mana-mana waris si mati sungguhpun Baitulmal tiada kepentingan di situ namun atas dasar maslahah kepada umat Islam membantu mana-mana umat Islam membuat permohonan pembahagian harta pusaka di agensi-agensi yang terlibat.

Dari segi sumber **wang tidak patuh syariah**, Baitulmal boleh menggilap terimaan tersebut bukan sahaja melalui terimaan daripada institusi kewangan yang melaksanakan urusniaga tidak patuh syariah, tetapi juga diwar-warkan kepada masyarakat bahwasanya unsur-unsur tidak patuh syariah kadangkala wujud dalam sumber rezeki kita umat Islam. Proses penerokaan ini boleh diperhebatkan melalui iklan-iklan dan ceramah kepada seluruh masyarakat. Menjangkaui lebih daripada itu, Baitulmal MAIS telah menerima sebuah tanah di Sabak Bernam yang diperolehi hasil

daripada sumber haram seorang individu.

Namun dari sudut terimaan wang ***gharamah***, sungguhpun telah ada fatwa di negeri Selangor¹⁵ dan di peringkat kebangsaan¹⁶ dan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (2010 - 2011)¹⁷ yang memutuskan bahawa *gharamah* harus disalurkan kepada Baitulmal, belum ada institusi kewangan yang menyalurkan wang tersebut kepada Baitulmal, MAIS.

Baitulmal juga kini boleh berperanan sebagai ‘ejen’ bagi wang orang yang berhutang. Dalam isu hutang lapuk atau penghutang yang berhutang dengan pemutang dalam tempoh yang lama dan sukar menjelaki pemutang atau warisnya, penghutang boleh melupuskan hutangnya kepada Baitulmal. Di Selangor, Dato’ Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor pada tahun 2011 telah memberikan pandangan bahawa Baitulmal, MAIS boleh bertindak sebagai pemegang amanah atau ejen bagi mengutip mana-mana hutang lapuk umat Islam. Ia juga sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu, “..... *sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.*”

Kedudukan penghutang selepas menyerahkan hutang kepada Baitulmal adalah ia terlepas daripada tanggungjawab membayar hutang sama seperti pembayar zakat yang telah menyerahkan zakatnya kepada amil. Oleh kerana itu sebagai sebuah agen tazkiyatul amwal (penyuci harta), Baitulmal dengan kuasa yang diperuntukkan mudah-mudahan akan mampu melaksanakan amanah umat Islam ini dengan sebaik-baiknya.

Baitulmal juga sewajarnya boleh mengorak langkah meneroka sumber atau **hasil agama Islam** yang agak besar iaitu melalui terimaan **fi Jabatan Agama Islam** dan **fi dan denda Mahkamah Syariah**. Mengambil inspirasi daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Perbadanan Baitulmal Sabah yang telah meneroka dan menerima hasil tersebut, MAIS telah menuruti langkah ini melalui fatwa yang diputuskan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2012 pada 15 Mac 2012 yang memutuskan,

¹⁵ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3 2012 pada 21 Jun 2012.

¹⁶ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012

¹⁷ Resolusi tersebut diputuskan pada 25 Ogos 2011

“bahawa semua fi dan denda yang kena dibayar kepada Jabatan Agama Islam Selangor dan Mahkamah Syariah Selangor dan mana-mana institusi agama Islam yang sebelumnya menjadi hasil kerajaan negeri perlu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Baitulmal, MAIS.”

Fatwa ini telah diwartakan kemudiannya dan dikemukakan kepada Bendahari Negeri Selangor serta diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor seterusnya dilaksanakan operasi terimaan fi dan denda daripada JAIS dan MSS sepenuhnya mulai tahun 2013 hingga kini.

Penerokaan sumber baru Baitulmal semakin diperhebatkan hingga kini. Salah satunya adalah melalui **wang tak dituntut**. Dari sudut perundangan di negara ini yang menyentuh tentang Hukum Syarak dan orang Islam, terdapat ketetapan bahawa wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut merupakan sebahagian daripada sumber Baitulmal. Misalnya, di bawah Seksyen 75(1)(c), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1992 telah memperuntukkan bahawa: *“Sumber am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara berikut: c) Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut”*.

Walau bagaimanapun, di dalam statut baru iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 yang telah memansuhkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1992, perincian berkenaan harta-harta yang dinyatakan dalam Seksyen 75(1)(c), Enakmen 1992 tersebut telah ditiadakan, namun pemakaianya dapat difahami dalam Seksyen 70 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan juga Seksyen 81 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang telah memperuntukkan bahawa: *“Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.”*

Oleh itu, apabila perbincangan Hukum Syarak sebelum ini yang menyatakan kategori wang tak dituntut terangkum di bawah bidang kuasa Baitulmal, maka pemakaian frasa *“yang menurut Hukum Syarak”* dalam peruntukan di atas hendaklah ditafsirkan selaras dengan fakta tersebut juga.

Secara umumnya, kami berpandangan bahawa perkara yang melibatkan

wang tak dituntut milik umat Islam perlu dilihat kembali oleh pihak kerajaan termasuklah MAIN. Undang-undang yang berkaitan wang tak dituntut perlu disemak supaya wang tak dituntut terutamanya milik umat Islam dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sendiri.

Berdasarkan kepada realiti semasa negara, Baitulmal dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terutamanya MAIS dilihat tidak menerima apa-apa geran daripada pihak kerajaan bagi membangunkan kesejahteraan umat Islam. Pada masa yang sama status kewangan Baitulmal masih belum berada di tahap yang optimum untuk dimanfaatkan oleh ummah sementelah kutipan dan agihan wang-wang zakat terikat kepada asnaf-asnaf tertentu dan masih tidak mencukupi.

Ada kemungkinan terdapat harta tak berwaris di dalam sebahagian wang tak dituntut yang kini terletakhak kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sedangkan berdasarkan Hukum Syarak ianya terletakhak kepada Baitulmal. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri pun telah memberi pengiktirafan sewajarnya tentang perkara ini. Justeru itu jugalah maka wang tak dituntut wajar terletakhak kepada Baitulmal.

Bagi pandangan kami, tempoh 1 hingga 14 tahun merupakan satu tempoh yang ada kemungkinan besar terdapatnya tuntutan pembayaran balik daripada penuntut untuk mendapatkan wang tak dituntut mereka. Namun, pada tahun ke 15 dan seterusnya wang tak dituntut boleh diuruskan secara amanah oleh Baitulmal di samping membolehkan institusi ini mendapat faedah daripada wang tak dituntut tersebut.

Baitulmal dilihat sangat sesuai dan relevan memandangkan ia merupakan salah satu institusi kewangan yang diletakkan bersama dan setanding dengan Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan (*Federal Consolidated Funds*) dan Kumpulan Wang Negeri Disatukan (*State Consolidated Funds*) di bawah Bahagian 7, Peruntukan-Peruntukan Kewangan, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Perkara 97(3), Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan iaitu “Jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-

There are some issues regarding zakah payment at Pulau Pinang has been identified. The first one is how zakat, Pulau Pinang take action against individuals or companies who refuse to pay zakah. As we know Pulau Pinang is one of the most developed states in Malaysia. There is a large number of companies and factories that developed in the state. This state has strong economic power and one of the most important trading centers in the region. According to Official Portal the Government State of Pulau Pinang, the average gross income for the employee in these state is between RM3000 to RM3999 per month. However, zakah institution in Pulau Pinang is facing a bit of problem-related to a reluctance of these large companies to zakah as well as individuals who are eligible to pay. The companies and factories here are actually gain a lot of profits and wealth every year. From these profits, the companies are eligible to pay zakah. But the problem came across when there are some companies and individual have lack of awareness and refused to pay of zakah.

Basically, there is two type of zakah which is zakah *al-maal* and zakah *al-fitr*. According to Corporate Communications Officer in Zakat Pulau Pinang, zakat institution of Pulau Pinang are divided zakah al-Maal into 8 types which is zakah on income, zakah on business, zakah of livestock, zakah on saving, zakah on the agricultural product, zakah on gold, zakah on KWSP/LTAT, and zakah on shares. In this issue, for the individual that have annual income exceeding the nisab is obligated to pay income zakah. Examples calculation of zakah on income are as follows:

A. INCOME (RM)	
*Income from all sources (annually)	40,000.00
B. LESS: EXPENSES (RM)	
*annually	
1. Self	9000.00
2. Wife	3000.00
3. Child (if 3 x RM 1000 per person)	3000.00
4. Paid for parents (RM100 per month)	1200.00
5. EPF (11%)	4400.00
6. Lembaga Tabung Haji (RM100.00 per month)	1200.00
C. INCOME THAT ELIGIBLE TO PAY ZAKAT (A-B)	18200.00
D. THE AMOUNT THAT OBLIGATORY TO PAY ZAKAT	
*because exceeding the Nisab RM14000.00	455.00
*RM18200.00 x 2.5%	

All of this figure are include house rent, side income, dividend, bonus, reward, debt etc. For single women that means not married yet, they only minus personal expenses paid for parents, EPF and Lembaga Tabung Haji. The *nisab* rate is equal to or greater than 85 grams of the current gold price.

In addition, if an individual knew that he/she qualifies to pay zakah but they refused to do, they will get punishment from Allah because zakah is compulsory to every Muslim.

“Take, [O, Muhammad], from their wealth a charity by which you purify them and cause them increase, and invoke [Allah ‘s blessings] upon them. Indeed, your invocations are reassurance for them. And Allah is Hearing and Knowing”.

Surah at-Taubah : Verse 103

Every Muslim need to know whether they are eligible to pay for zakah or not. Because what is stated in this verse, if they didn't do, they already took the rights of the poor. As an institution in charge for collecting and distributing the zakah to asnaf, Zakat Pulau Pinang has face challenges to those who refuses to pay zakah. Zakat Pulau Pinang had to take a move to overcome the problem that related to individuals who refused to pay zakah.

Besides that, in this case, there are some Muslim companies and factories who refuse to pay zakah. For these companies, they actually obligate to pay zakah of business. The definition of zakah business is the obligatory zakah derived from business property whether based on manufacturing, mining, fisheries, shipping, supply, agriculture, services or otherwise for the purpose of trading, whether in the form of a private business, an Islamic partnership or non-Muslim business partnership, business in all types of companies, cooperatives or stock businesses. The settlement of zakah business according to Syariah method is based on the position of business property or working capital at the end of the *Haul* whether profit or loss. The calculation of zakah on business are as follows:

	RM
A. TOTAL CURRENT ASSET	203,000.00
B. MINUS: TOTAL CURRENT LIABILITY	65,000.00
C. NET CURRENT ASSET (A-B)	138,000.00
1. (Minus) Interest from bank	(2,500.00)
2. (Minus) Dividends from sources were paid zakah	(1,000.00)
3. (Plus) purchase of fixed assets at the end of the haul	2,000.00
4. (Plus) Profit distribution	18,000.00
D. THE VALUE OF ZAKAH	154,500.00
E. ZAKAH RATE	2.5%
F. % MUSLIM OWNERS	100%
G. TOTAL OF ZAKAH IF (D) OVER THAN NISAB (D x E x F)	3,863.00

Furthermore, Zakat of Pulau Pinang has to face this problem by taking some actions to the companies that refuse to pay zakah. Most companies owned by Muslim pay the zakah annually but payments of zakah they made at the end of the year which is at the end of December every year. Yet there are a few of small companies that owned by Muslim here who need to be monitored and advised because they are eligible to pay of zakah. There are few companies owned by non-Muslims but their employees are Muslims. Therefore, the workers in the companies are obligated to pay income zakah if they are eligible to pay zakah. There are some isolated cases, where non-Muslim companies want to pay for zakah. In this case, Zakat Pulau Pinang receives the grant but as a *Hibah* from this companies. As we know, zakah is only compulsory for Muslims. For non-Muslim, they are not compulsory to pay for zakah but they can give as a gift or *Hibah*. Zakat Pulau Pinang uses this gift or *hibah* for infrastructure and buying equipment.

They are several ways to overcome the issue such as consecutive advice, make a negotiating table and make advertising through advertisement. In order to settle the first issue regarding the company that does not pay the zakah the management of Zakat in Pulau Pinang will send three consecutive advice letters to the companies.

In addition, to overcome the issue, Zakat Pulau Pinang has taken the initiative by holding many talks on the awareness of zakah payments among Muslims in the area surrounding Pulau Pinang especially in the industrial area near Bayan Lepas. In addition, the Zakat Pulau Pinang also take one step further by opening booths at each government or private organization to make it easier for them to contribute zakah. Furthermore, the zakat center now provides a variety of facilities to make zakah payments easier such as service counters, by post (with the name of Zakat Pulau Pinang), through salary deduction scheme, internet banking and also with JomPAY. These methods make it easier for the community to contribute their zakah.

Zakah also establishes a negotiating table with companies that have a majority of Muslims in their organization to give more understanding about the importance of zakah and also to encourage them to contribute zakah. According to Zakah Officer, the contribution made by non-Muslims on

Zakat Pulau Pinang will not be regarded as zakah but it's considered as a *hibah*.

The mosque also plays an important role in proclaiming the payment of zakah. During the Jumaat prayer the Imam in his '*khutbah*' can remind everyone the importance of contributing zakah and also there are some mosque have a counter to make zakah payments and this will make it easier for all to pay zakah. Ultimately, the others way to solve the problems by doing advertising through newspapers, radio, television, banners and distributing pamphlets.

2. Zakah Institution of Pulau Pinang Delay to Provides Fund to The Patients

The Zakah management in Pulau Pinang also facing a viral issue on social media that people are questioning why the management delay to provide funds to the patients. This issue has affected the reputation of Zakat Pulau Pinang as an institution that responsible for distributing zakah to asnaf who is suffering from hardship. This news spread widely in social media apps like Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp, Blog etc.

Besides, today's social media such as Facebook, Whatsapp, Instagram, Twitter is a very important medium to get information. As we know, the portion of zakah that have been considering giving to the person who are suffering from chronic illness is under the category of Asnaf *Ghorimin*.

According to Zakat Pulau Pinang Officer, those in need for their help could go to the Zakat Pulau Pinang to fill out the form, then they will monitored by the Zakat Pulau Pinang. Moreover, ZPP has the 'SKUAD PRIHATIN' to get information about them and ZPP will take action based on the report to help the needy. The procedure application for assistance in obtaining aid from Zakat Pulau Pinang is very easy and efficient.

CONCLUSION

In conclusion, Zakat Pulau Pinang is an institution that responsible to collect and distribute zakah funds. There are various type of methods been provided by Zakat Pulau Pinang to facilitate the community in this state to contribute their Zakah. Zakat Pulau Pinang also creates a variety of distribution programs and assistance to the needy people.

The Muslim population in Pulau Pinang is estimated to be around 40.0% today. There are immense potential to collect sizeable zakah funds that can be used for the betterment of humanity. Paying the zakah is obligatory to all Muslim not only in a state of Pulau Pinang, as it has been stipulated in many verses in Al-Quran. Paying zakat is part of Muslim responsibility to clean their wealth from dirt and get blessed from Allah S.W.T. Zakah also a tool reduce poverty across Muslim society and to maintain the stability of socioeconomic.

REFERENCES

Abdurrahman bin Abibakr Al-Suyūti, *Al-Iklil fī Istinbāt al-Tanzil*, (Beirut, Dar Kitab al-Arabī, n.d.) 43.

Barizah Bakar, Hafiz Rashid, (2010), Motivations of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia, Vol 2, No 3, Canadian Center of Science and Education Enhancement of zakat distribution management system: case study in Malaysia

Fiqhiyyah, P. 165.

Ibn Nujaym, al-Ashbah wa al-Nazair, (1997), *Kitab Al-Qawaaid*, Riyadh: Maktabat al Rushd, p.94

Jamaal al-Din M. Zarabozo (May 1999), Commentary on the Forty Hadith of Al-Nawawi, Volume 1.

Khuzaimah in his Sahih, Imam Ahmad in Musnad, Humaidi also in his Musnad and Dar Qutni in Sunan, etc. (See Al-Borno, Mausu'at, vol. 1, 130).

Lubis, Muharman and Yaacob, NurulIbtisam and Omar, Yusoff and Ahmad Dahlani, Abdul Rahman (2011) Enhancement of zakat distribution management system: case study in Malaysia. In: International Management Conference 2011 Proceedings, 16 - 17 April 2011, Kuala Terengganu.

Majalla al-Ahkam al-Adliyyah, Art. 2, Al-Sarakhsī, Al-Mabsūt, 59, Al-Subki, Al-Ashbāh, 54.

Mr Khairul Azhar Bin Zulkifli, Corporate Communication Corporate, October 25, 2017

Muhammad Said Ramadhan Al-Buti, *Dawabit Al-Maslalah Fi Al-Shariah Al-Islamiyyah*.

Muhammad-Bashir Owolabi Yusuf, Alias Mat Derus, (2013) "Measurement model of corporate zakat collection in Malaysia: A test of diffusion of innovation theory", Humanomics, Vol. 29 Issue: 1, pp.61.

Norazlina Abd.Wahab, Abdul Rahim Abdul Rahman, (2012) "Productivity growth of zakat institutions in Malaysia: An application of data envelopment analysis", Studies in Economics and Finance, Vol. 29 Issue: 3, pp.197-210.

Official Portal the Government State of Pulau Pinang. (2017). *Percentage Population in Pulau Pinang*.

Portal of Zakat Pulau Pinang, 9 November 2017, retrieved on <http://www.zakatPulauPinang.com/zpp/>

Sorfina (2012) Zakat distribution and growth in the federal territory of Malaysia. Journal of Economics and Behavioral Studies, 4 (8). pp. 449-456.

Syeikh Ghazali A.Rahman. 1988. Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri.

ANALISIS PERANAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM SEBAGAI EJEN KUTIPAN ZAKAT DI MALAYSIA: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

Mohd Faisol bin Ibrahim¹

ABSTRAK

Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai jumlah kutipan zakat tertinggi di Malaysia. Selain itu LZS juga merupakan salah sebuah institusi zakat negeri terawal yang mengkorporatkan pengurusan dan pentadbiran Pusat Zakat Selangor kepada LZS di Selangor. Dasar pengkorporatan LZS ini telah berjaya menonjolkan LZS sebagai sebuah entiti zakat yang terhebat di Malaysia. Kehebatan ini dapat dilihat melalui dasar kerjasama LZS dengan institusi perbankan Islam di Malaysia dengan melantik institusi perbankan Islam sebagai agen kutipan zakat. Oleh itu artikel ini akan menganalisis kaedah-kaedah bayaran zakat yang disediakan oleh LZS melalui institusi perbankan Islam dan kesannya terhadap jumlah kutipan zakat. Ini bertujuan melihat peranan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam untuk memartabatkan ekonomi Islam di Malaysia. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah bayaran dan kutipan zakat yang disediakan oleh LZS melalui institusi perbankan Islam. Hasil kajian juga menunjukkan peningkatan kaedah-kaedah bayaran zakat yang disediakan bagi pembayar zakat oleh LZS melalui institusi perbankan Islam telah memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di Malaysia.

Kata Kunci : Lembaga Zakat Selangor, Perbankan Islam, Kutipan Zakat

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: faisol@usim.edu.my

PENGENALAN

Zakat merupakan satu amalan yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam di seluruh muka bumi ini di mana ianya merupakan salah satu daripada rukun Islam². Ianya juga dapat membersihkan jiwa dan harta seseorang daripada *syubhah* (samar) serta dapat membantu secara sukarela bagi hak-hak orang yang memerlukan dengan tujuan mendapat pahala daripada Allah S.W.T.³

Jika dilihat dari segi bahasa zakat boleh diertikan sebagai tumbuh dan bertambah⁴. Ia juga bererti baik, suci dan subur. Selain itu, ia juga membawa makna pembersihan dan kesuburan, kerana dengan mengeluarkan zakat, maka harta pencarian dan simpanan menjadi bersih dari sesuatu yang haram dimiliki, iaitu hak-hak orang lain yang telah diwajibkan kita untuk mengeluarkannya.⁵ Sebagai contoh golongan faqir di mana mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas⁶ maka mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah.

Zakat dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta⁷ di mana zakat fitrah merupakan zakat peribadi yang juga dikenali sebagai zakat badan, atau cukai kepala atau pun zakat Ramadhan yang tujuannya untuk menyucikan jiwa orang-orang yang berpuasa Ramadhan. Zakat harta pula zakat yang merupakan kadar tertentu dari pemilikan harta tertentu melalui syarat tertentu yang terdiri daripada zakat emas, zakat wang simpanan, zakat pendapatan, zakat ternakan, zakat saham, zakat perniagaan, zakat tanaman dan zakat simpanan KWSP⁸ di mana pembayaran dibuat dengan kadar tertentu (2.5% atau sebaliknya) bergantung kepada jenis harta iaitu harta tetap atau harta berubah yang

² Suhal Sarif & Noor 'Azah Kamri (2009). A Theoretical Discussion Of Zakat For Income Generation And Its Fiqh Issues, *Jurnal of Shariah*, Jil. 17, Bil 3, hlm. 457-500

³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

⁴ Ibn Manzur (1956). *Lisan al-Arab*, j.60, Beirut: Dar Sadir, hlm..357.

⁵ Mahmood Zuhdi , *ibid*.

⁶ Yusuf al-Qaradawi (1977). *Fiqh al-Zakat: Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha wa Falsafatiha Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*, j.1, cet. 3, Beirut: Muassasah al- Risalah, hlm. 686.

⁷ Hamizul Abdul Hamid (2012). *Eksklusif Zakat*, Selangor: Galeri Ilmu, h. 4.

⁸ Mohd Faisol Ibrahim dan Suhaina Musani. (2011). *Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah

diserah kepada pihak berkuasa yang mengutip zakat.

Para aktivis Islam di seluruh dunia menyeru agar dibersihkan sistem ekonomi daripada sebarang anasir kotor yang berasal daripada undang-undang penjajah sebaliknya menggantikan dengan pelaksanaan sistem ekonomi di atas prinsip-prinsip Islam yang murni⁹. Sistem pengurusan zakat di Malaysia juga tidak terkecuali di mana zakat telah mula bertapak sejak era pre-kolonial lagi di mana masyarakat Islam pada ketika itu telah membayar zakat fitrah hanya kepada amil yang terdiri daripada guru-guru agama¹⁰. Ini menggambarkan bahawa keadah bayaran zakat pada ketika itu adalah secara manual dan dibayar kepada amil sahaja.

Namun kini dengan wujudnya perkembangan teknologi maklumat serta perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, maka kaedah pembayaran zakat tidak lagi tertumpu kepada amil tetapi pelbagai kaedah bayaran zakat disediakan oleh institusi zakat negeri dengan kerjasama institusi perbankan Islam¹¹. Sehubungan dengan itu, peluang yang dibuka oleh institusi perbankan Islam ini perlu diperluaskan oleh institusi zakat negeri kerana di Malaysia, terdapat lima kategori perbankan termasuk perbankan Islam itu sendiri iaitu perbankan komersil, perbankan Islam antarabangsa, perbankan pelaburan dan institusi kewangan lain. Selain itu juga institusi zakat negeri dan institusi perbankan di Malaysia khususnya perbankan Islam perlu bekerjasama dengan lebih kuat dan utuh bagi menjadikan kutipan zakat ini mampu memenuhi *maqasid syariah* masyarakat Islam di Malaysia. Ini kerana *maqasid syariah* didefinisikan sebagai tujuan undang-undang Islam di mana *maqasid syariah* ini dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu tujuan hari akhirat dan tujuan duniawi

⁹ Yusuf Qardhawi (2001). *Institut Zakat Masa Kini: Bagaimana Menjayakanya?*. Selangor Darul Ehsan: Pusat Zakat Selangor

¹⁰ Abdul-Wahab, Mohamed et. al. (1995). Malaysia :A Case Study of Zakat Management in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework oN Zakat: Dimensions and Implication*. Jeddah: IRTI/IDB.

¹¹ Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein dan Suhaina Musani (2005). Peranan Institusi Bank Sebagai Agen Kutipan Dalam Aktiviti Bayaran Zakat: Kajian Ke atas Pusat Zakat Selangor. Dalam *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*. 29-30 Ogos 2005. Selangor: ESSET Bangi.

yang meliputi memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda¹².

Bil	Nama	URL
1.	Pusat Pungutan Zakat Persekutuan (PPZ)	http://www.zakat.com.my
2	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	http://www.e-zakat.com.my
3.	Pusat Urus Zakat P.Pinang (PUZPP)	http://www.zakatpenang.com
4.	Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP)	http://www.zakatpahang.com
5.	Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS)	http://www.zakatns.com.my
6.	Pusat Zakat Melaka (PZM)	http://www.izakat.com
7.	Tabung Baitulmal Majlis Agama Sarawak (BMS)	http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my
8.	Pusat Zakat Sabah (PZS)	http://www.zakat.sabah.gov.my
9.	Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK))	http://www.zakatkedah.com
10.	Baitulmal Negeri Perlis (BMP)	http://www.perlis.gov.my
11.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIDAMP)	http://www.maiamp.gov.my
12.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIDAIMK)	http://www.e-maik.my
13.	Pusat Urusan Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (PUZMAIDAMT)	http://www.maidam.gov.my
14.	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	http://www.maij.gov.my

Sumber: Mohd Faisol (2015)¹³

Jadual 1 Senarai Institusi-Institusi Zakat di Malaysia dan Alamat Laman Sesawang

¹² 'Abd al-Karim Zaydan (1997), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah Risalah, hlm. 378-379.

¹³ Mohd Faisol Ibrahim (2015), Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang *Jurnal Pengurusan*, 42, hlm. 119 – 130.

Jadual 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaiannya bagi institusi zakat di setiap negeri. Ini sebenarnya amat berkait rapat dengan transformasi institusi pengurusan zakat itu sendiri dan juga bidang kuasa masing-masing.

Institusi zakat pertama yang dikorporatkan ialah Pusat Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) iaitu pada tahun 1991. Empat tahun kemudian terdapat tiga lagi institusi zakat yang dikorporatkan iaitu Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Pahang dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Pada tahun 2000 pula menyaksikan dua lagi institusi zakat negeri berjaya dikorporatkan iaitu Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan dan Pusat Zakat Melaka (Sanep Ahmad et.al., 2006). Pengkorporatan besar-besaran oleh institusi zakat negeri telah mempengaruhi negeri Sarawak dan Sabah agar institusi zakat mereka juga dikorporatkan. Hasilnya pada tahun 2001 dan 2007 Tabung Baitulmal Sarawak dan Pusat Zakat Sabah pula dikorporatkan. Begitu juga dengan Jabatan Zakat Negeri Kedah yang kini telah bertukar menjadi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Lembaga Zakat Selangor

Lembaga Zakat Selangor ataupun sebelum ini lebih dikenali dengan Pusat Zakat Selangor merupakan institusi zakat negeri kedua selepas PPZ yang berjaya dikorporatkan. LZS merupakan sebuah badan korporat kewangan zakat bagi melincin dan melancarkan operasi pungutan zakat di negeri Selangor. Ia juga sebagai pemberi maklumat kepada orang ramai akan pentingnya membayar zakat. Oleh itu penubuhan Lembaga Zakat Selangor ini adalah suatu badan yang penting bagi tujuan tersebut.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah ditubuhkan pada tahun 1994 bagi tujuan menguruskan kutipan zakat di seluruh negeri Selangor. Ia didaftarkan dengan nama Syarikat MAIS Zakat Sdn Bhd pada 15 Februari 1994. LZS telah memulakan operasinya pada Oktober 1995 dengan hanya 8 orang kakitangan sahaja. Ibu pejabatnya terletak di seksyen 14, Petaling Jaya. Selaras dengan kemajuan yang telah dicapai.

Nama asal LZS iaitu Pusat Pungutan Zakat MAIS ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS) pada 30 Oktober 1996. Setelah kedudukannya

bertambah kukuh dan mantap, ibu pejabat PZS telah berpindah ke Seksyen 9, Shah Alam pada tahun 1997 dengan didokongi oleh 16 buah kaunter di seluruh negeri Selangor. Kini Pusat Pungutan Zakat telah berubah imej kepada Lembaga Zakat Selangor.

Dengan kemajuan dan kecekapan serta keberkesanan yang telah banyak membuka mata banyak pihak hasil dari kesedaran pihak pengurusannya yang sentiasa memperbaiki kualiti perkhidmatannya menerusi operasi kutipan dan agihan dari semasa ke semasa, LZS telah mencapai anugerah kualiti MS ISO 9002 pada tahun 2000 sebagai lambang pengiktirafan mutu perkhidmatannya. LZS juga telah menjadi rujukan kepada institusi zakat negeri yang lain bahkan juga rujukan daripada institusi Islam dari luar Negara.

SOROTAN LITERATUR

Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap zakat serta institusi pelaksanaannya. Menurut Mohd Faisol (2016) terdapat tujuh kaedah bayaran kutipan zakat yang disediakan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia.¹⁴ Menurut Ahmad Hidayat & Saidatul (2014) pula meskipun berlaku peningkatan yang positif mengenai hasil pungutan zakat setiap tahun, namun jumlah kutipan tidak sampai kepada tahap yang memuaskan malah dikatakan tidak stabil.¹⁵ Menurut Mohd Faisol (2013) lagi kerjasama antara institusi zakat dengan pihak bank sangat penting kerana peranan yang dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam membantu meningkatkan hasil kutipan zakat di setiap institusi zakat negeri di Malaysia adalah begitu besar.¹⁶ Kajian yang dilakukan Mohd Faisol (2016) berkaitan kaedah bayaran zakat menggunakan institusi perbankan Islam mendapatkan daripada 16 buah bank Islam yang wujud di Malaysia hanya 14 buah bank sahaja berjaya menjalankan kerjasama dengan institusi zakat negeri bagi urusan

¹⁴ Mohd Faisol Ibrahim (2016). Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, *The Journal Of Muamalat And Islamic Finance Research*, Vol. 13, No. 2, pp. 109-124.

¹⁵ Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said. (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di Daerah Kota Belud Sabah. *Jurnal Sains Humanika*, 2 (1), hlm. 125-134.

¹⁶ Mohd Faisol Ibrahim. (2013) Kaedah Bayaran Zakat Menggunakan Institusi Perbankan di Malaysia dan Kesannya ke Atas Jumlah Kutipan Zakat. *Jurnal ILIM*, (6) hlm. 89-106.

kutipan dan bayaran zakat.¹⁷

Kepelbagaiannya kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012).¹⁸ Pandangan ini amat bertepatan dengan kajian Hairunnizam et al. (2009) yang menerangkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat iaitu kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya.¹⁹

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Muhsin (2014) mendapati perkhidmatan atas talian seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, bertujuan hanya untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun.²⁰

Rentetan itu penulis mendapati kajian yang membincangkan secara khusus peranan institusi perbankan Islam terhadap LZS bagi aktiviti kutipan bayaran zakat di Selangor masih lagi kurang dijalankan. Oleh itu penulis beranggapan bahawa kajian ini penting bagi melihat komitmen institusi perbankan Islam di Malaysia bagi membantu institusi zakat negeri di Malaysia khususnya di Selangor bagi meningkatkan jumlah kutipan zakat.

¹⁷ Mohd Faisol Ibrahim (2016). *Op.cit.*

¹⁸ Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite. (2012). Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. Vol. 4, No. 8, pp. 449-456.

¹⁹ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, (17) 1, hlm. 89-112.

²⁰ Muhsin Nor Paizin. (2014). *Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya ingin mengupas peranan beberapa bank di Malaysia di dalam membantu institusi zakat di Malaysia khususnya Lembaga Zakat Selangor bagi mempertingkatkan hasil kutipan zakat di Selangor. Di samping itu, kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah-kaedah kutipan zakat yang digunakan oleh bank-bank Islam yang dilantik sebagai agen kutipan zakat. Secara khususnya pengkaji ingin menganalisis peranan institusi perbankan di Malaysia yang berasaskan perbankan Islam bagi mempertingkatkan kutipan zakat di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperolehi dari Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di JAKIM serta Laporan Tahunan LZS dari tahun 2011 hingga 2017 dan juga laman sesawang LZS pada tahun 2018. Kajian ini akan menganalisis kaedah-kaedah yang ditawarkan oleh LZS bagi aktiviti bayaran zakat di Selangor melalui lantikan institusi perbankan Islam sebagai agen kutipan. Ini sekaligus akan memberi gambaran tentang peranan institusi perbankan Islam bagi membantu LZS melalui bilangan kaedah yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam yang menjalankan kerjasama LZS. Kajian ini juga akan melihat kesan kaedah-kaedah yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam bagi aktiviti zakat terhadap jumlah kutipan zakat oleh LZS di Selangor.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bil	Nama Bank	Pemilikan
1	Affin Islamic Bank Berhad	Tempatan
2	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	Asing
3	Alliance Islamic Bank Berhad	Tempatan
4	AmBank Islamic Berhad	Tempatan
5	Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan

6	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tempatan
7	CIMB Islamic Bank Berhad	Tempatan
8	HSBC Amanah Malaysia Berhad	Asing
9	Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tempatan
10	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Asing
11	MBSB Bank Berhad	Asing
12	Maybank Islamic Berhad	Tempatan
13	OCBC Al-Amin Bank Berhad	Asing
14	Public Islamic Bank Berhad	Tempatan
15	RHB Islamic Bank Berhad	Tempatan
16	Standard Chartered Saadiq Berhad	Asing

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2018²¹

Jadual 1 Senarai Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Jadual 1 menunjukkan terdapat 16 institusi perbankan Islam yang beroperasi di Malaysia yang terdiri daripada bank-bank Islam tempatan dan bank Islam asing. Kesanggupan bank-bank Islam milik asing yang membuka perniagaan di Malaysia telah memberi ruang dan peluang kepada institusi zakat bagi menjalankan kerjasama untuk meningkatkan kutipan zakat melalui perkhidmatan perbankan Islam mereka. Ini telah membuka satu lembaran sejarah di mana keterbukaan ini akan menjadi faktor utama bagi merealisasikan kutipan dan bayaran zakat di peringkat antarabangsa. Kini terdapat enam institusi perbankan Islam asing yang menjalankan perniagaan mereka di Malaysia iaitu Al-Rajhi Bank & Investment Corporation Malaysia Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad, MBSB Bank Berhad dan OCBC AL-Amin Bank Berhad dan Standard Chartered Saadiq Bank Berhad.

²¹ <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&lang=bm> dilihat pada 11 April 2018

Bil	Kaedah Bayaran Zakat	Peranan
1	Skim potongan gaji	Bukan Institusi Perbankan
2	Perbankan internet	Institusi Perbankan
3	Kaunter Lzs	Bukan Institusi Perbankan
4	Pejabat pos	Bukan Institusi Perbankan
5	Kaunter bank	Institusi Perbankan
6	Kad kredit	Institusi Perbankan
7	E-zakatPay	Institusi Perbankan
8	Khidmat pesanan ringkas (SMS)	Institusi Perbankan
9	Perbankan telefon	Institusi Perbankan
10	Mesin ATM (<i>Auto Transfer Machine</i>)	Institusi Perbankan
11	Agen kutipan zakat	Bukan Institusi Perbankan
12	Kaunter Institut Pengajian Tinggi (IPT)	Bukan Institusi Perbankan

Sumber: Laporan Tahunan Lzs 2017 dan Laman Sesawang Lzs²²

Jadual 2 Kaedah Bayaran Kutipan Zakat Oleh Lzs Melalui Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Berdasarkan Jadual 2 di atas, menunjukkan pihak Lzs telah menyediakan 12 kaedah pembayaran zakat bagi kemudahan orang ramai yang beragama Islam di Selangor iaitu pembayaran zakat secara skim potongan gaji, perbankan internet, kaunter Lzs, pejabat pos, kaunter bank, kad kredit, E-zakatPay, khidmat pesanan ringkas (SMS), perbankan telefon, mesin ATM (*Auto Transfer Machine*), agen kutipan zakat dan kaunter di institut pengajian tinggi terpilih.

Kepelbagaiannya kaedah bayaran kutipan zakat ini membuktikan bahawa masyarakat Islam di Selangor tidak lagi mempunyai alasan untuk tidak

²² Lembaga Zakat Selangor <http://www.zakatselangor.com.my/> dilihat pada 11 April 2018.

membayar zakat. Ini kerana pelbagai alternatif bayaran zakat disediakan bagi keselesaan pembayar-pembayar zakat di negeri Selangor.

Berdasarkan kaedah-kaedah bayaran kutipan zakat di atas, membuktikan peranan yang telah dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam membantu meningkatkan hasil kutipan zakat LZS di Selangor adalah begitu besar. Ini terbukti apabila sektor perbankan Islam ini telah menyediakan sebanyak tujuh kaedah bayaran zakat secara langsung kepada masyarakat Islam di Selangor yang ingin menuaikan kewajipan berzakat. Ini menunjukkan 58.3% perkhidmatan kutipan zakat di Selangor adalah melalui institusi perbankan Islam.

Sebagai contoh, melalui perkhidmatan *e-ZakatPay* hanya enam buah bank sahaja yang menawarkan perkhidmatan ini iaitu CIMB Bank Berhad, Maybank Banking Berhad, Public Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Hong Leong Bank Berhad dan RHB Bank Berhad.²³

Bagi kaedah kutipan bayaran zakat melalui institusi zakat negeri hanya terdapat satu kaedah sahaja ditawarkan kepada pembayar zakat iaitu bayaran di kaunter zakat. Manakala bagi kutipan bayaran zakat melalui lain-lain institusi terdapat empat kaedah ditawarkan iaitu kaedah bayaran melalui skim potongan gaji oleh majikan, kaedah bayaran zakat melalui kaunter zakat di IPT, kaedah bayaran zakat melalui pejabat pos dan agen kutipan zakat yang terdiri daripada ejen cukai, penolong amil swasta, syarikat dan firma audit.

²³ <http://www.zakatselangor.com.my/> dilihat pada 11 April 2018.

Bil	Agen Kutipan Zakat	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	+/- %
1	Malayan Banking Berhad (MBB)	5,804,797	7,103,369	9,322,865	12,902,818	14,667,021	16,813,629	21,179,984	265
2	CIMB Bank Berhad (CIMB)	1,882,510	2,847,046	3,904,848	5,533,139	5,627,071	6,044,784	6,682,736	255
3	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	1,669,878	2,696,663	3,674,924	3,646,695	8,312,144	12,736,986	17,574,558	952
4	RHB Bank Berhad (RHB)	461,103	508,549	657,755	770,350	923,220	884,462	973,175	111
5	Public Bank Berhad (PBB)	404,613	435,328	679,848	819,657	927,794	1,074,463	1,119,806	177
6	Bank Simpanan Nasional (BSN)	306,733	378,836	331,047	258,951	320,744	355,608	237,033	-23
7	HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC)	290,503	303,370	234,156	183,439	205,307	152,781	85,541	-71
8	Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)	202,809	140,307	170,395	128,492	146,495	182,139	141,016	-30
9	Agro Bank Malaysia (AGRO)	148,336	159,005	149,897	154,365	167,946	108,221	108,876	-27
10	Bank Kerjasama Malaysia Berhad (BKRM)	116,594	176,983	240,078	239,711	347,980	463,340	525,405	351
11	Ambank Malaysia Berhad (AMB)	105,615	104,385	127,350	123,791	157,133	157,730	140,978	33
12	Hong Leong Islam Bank (HLIB)	86,835	108,931	40,524	NA	NA	NA	793,052	813
13	Al-Rajhi Bank (AL-RAJHI)	32,670	36,438	25,035	11,771	44,673	21,395	32,232	-1.3
14	Affin Islamic Bank (AFFIN)	13,384	15,634	15,415	20,906	36,613	130,642	55,578	315
15	OCBC Bank Malaysia Berhad (OCBC)	12,398	16,098	24,108	28,049	33,631	35,103	31,748	156

Jadual 3 Jumlah Kutipan Zakat Oleh Institusi Perbankan Islam Bagi Tahun 2010 Hingga 2016

Berdasarkan Jadual 3 di atas jelas menunjukkan terdapat 15 buah institusi perbankan Islam di Malaysia yang telah memainkan peranan penting bagi membantu Lembaga Zakat Selangor meningkatkan kutipan zakat di Selangor. Pada tahun 2010, MBB yang merupakan bank terbesar di Malaysia telah menjadi penyumbang terbesar kutipan zakat kepada LZS iaitu sebanyak RM5.8 juta. Ini dikuti oleh CIMB dan BIMB iaitu masing-masing dengan kutipan RM1.8 juta dan RM1.6 juta. Bank yang paling sedikit menyumbang kutipan zakat adalah bank yang dimiliki oleh orang asing iaitu OCBC dengan kutipan RM12,398 sahaja. Ini diikuti oleh AFFIN, RAJHI dan HLIB iaitu masing-masing dengan kutipan RM13,384, RM32,670 dan RM86,835 sahaja.

Pada tahun 2012 pula, MBB terus mendahului jumlah kutipan zakat yang tertinggi iaitu sebanyak RM9.3 juta berbanding RM7.1 juta pada tahun 2011. Ini dikuti oleh CIMB dan BIMB iaitu masing-masing dengan kutipan RM3.9 juta dan RM3.6 juta berbanding tahun 2011 iaitu RM2.8 juta dan RM2.6 juta. Namun bank yang paling sedikit menyumbang kutipan zakat kepada LZS adalah AFFIN dengan kutipan zakat hanya RM15,415 sahaja berbanding RM15,634 pada tahun 2011. Ini diikuti oleh OCBC, RAJHI dan HLIB iaitu masing-masing dengan kutipan RM24,108, RM25,035 dan RM40,524 sahaja berbanding RM16,098, RM36,438 dan RM108,931 bagi tahun 2011.

Pada tahun 2014 pula, MBB masih mengungguli jumlah kutipan zakat yang tertinggi iaitu sebanyak RM14.6 juta berbanding RM12.9 juta pada tahun 2013. Ini dikuti pula oleh BIMB dan CIMB iaitu masing-masing dengan kutipan RM8.3 juta dan RM5.6 juta berbanding tahun 2013 iaitu RM3.6 juta dan RM5.5 juta. Yang menariknya tahun 2014 menunjukkan jumlah kutipan zakat oleh BIMB adalah lebih tinggi daripada CIMB berbanding tahun-tahun sebelum ini. Manakala bank yang paling sedikit menyumbang kutipan zakat kepada LZS adalah OCBC dengan kutipan zakat hanya RM33,631 sahaja berbanding RM28,049 pada tahun 2011. Ini diikuti oleh AFFIN dan AL-RAJHI iaitu masing-masing dengan kutipan RM36,613 dan RM44,673 sahaja berbanding RM20,906 dan RM11,171 bagi tahun 2013.

Untuk tahun 2016 pula, MBB terus mendominasi jumlah kutipan zakat yang tertinggi iaitu sebanyak RM21.1 juta berbanding RM16.8 juta pada

tahun 2015. Ini dituruti pula oleh BIMB dan CIMB iaitu masing-masing dengan kutipan RM17.5 juta dan RM6.6 juta berbanding tahun 2015 iaitu RM12.7 juta dan RM6 juta sahaja. Tahun 2016 dan 2015 sekali lagi menunjukkan jumlah kutipan zakat oleh BIMB adalah lebih tinggi daripada CIMB berbanding tahun-tahun sebelum ini. Bagi bank yang paling sedikit menyumbang kutipan zakat kepada LZS adalah OCBC dengan kutipan zakat hanya RM31,748 sahaja berbanding RM35,103 pada tahun 2015. Ini diikuti oleh AL-RAJHI dan AFFIN iaitu masing-masing dengan kutipan sebanyak RM32,232 dan RM55,578 sahaja berbanding RM21,395 dan RM130,642 bagi tahun 2015.

Walaupun MBB mendominasi jumlah kutipan zakat tertinggi di LZS bermula dari tahun 2010 hingga 2016, namun bank Islam pertama di Malaysia iaitu BIMB merupakan bank yang paling tinggi mengalami perubahan peningkatan hasil kutipan zakat dalam tempoh tujuh tahun iaitu sebanyak 952 peratus. Ini disusuli dengan HLIB dan Bank Rakyat iaitu masing-masing dengan peratus perubahan sebanyak 813 peratus dan 351 peratus.

Terdapat juga institusi perbankan Islam yang mengalami kejatuhan peratus perubahan kutipan zakat dalam tempoh tujuh tahun ini seperti HSBC, BMMB, AGRO Bank, BSN dan Al-RAJHI iaitu masing-masing dengan kejatuhan peratus perubahan sebanyak 71%, 30%, 27%, 23% dan 1.3%.

Secara keseluruhannya menunjukkan peranan yang dimainkan oleh institusi perbankan Islam bagi membantu LZS dalam aktiviti kutipan zakat adalah amat besar. Peranan ini dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah kutipan zakat setiap tahun di LZS sehingga LZS menjadi institusi zakat yang paling tinggi jumlah hasil kutipan zakat di Malaysia. Ini juga secara tidak langsung menjadi daya penarik kepada pelanggan Islam untuk berurus niaga di institusi perbankan Islam disebabkan institusi perbankan Islam turut menawarkan perkhidmatan bayaran zakat yang menjadi kewajipan setiap Muslim yang cukup syarat-syaratnya.

KESIMPULAN

LZS dengan kerjasama BNM perlu mencari jalan dan inisiatif bagi menarik minat institusi perbankan di Malaysia khususnya yang menawar produk berasaskan Syariah dan amnya perbankan komersil dan pelaburan, wajib juga menawarkan kaunter perkhidmatan kutipan zakat di bank masing-masing. Ini penting bukan sahaja menarik minat masyarakat Islam tempatan tetapi pelabur-pelabur Islam dari negara luar untuk datang melabur dan membayar zakat di sini. Ini secara tidak langsung membantu institusi bank tersebut bersaing ke peringkat global. Ini juga bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada negara Malaysia melalui pelaburan yang dilakukan tetapi juga akan merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi Islam melalui pembayaran zakat oleh pelabur asing ke Malaysia. Pada masa yang sama Malaysia mungkin akan mampu menjadi negara pertama yang menggunakan wang zakatnya untuk membantu negara-negara Islam miskin di Asia Tenggara dan Asian yang lain. Pada masa yang sama institusi zakat di Malaysia akan menjadi rujukan dunia sebagai institusi yang berjaya mengagihkan kekayaan daripada golongan kaya kepada golongan yang memerlukan bantuan zakat.

RUJUKAN

'Abd al-Karim Zaydan (1997). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah Risalah.

Abdul-Wahab, Mohamed et. al. (1995). Malaysia: A Case Study of Zakat Management in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework oN Zakat: Dimensions and Implication*. Jeddah: IRTI/IDB.

Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di Daerah Kota Belud Sabah. *Jurnal Sains Humanika*, 2 (1), hlm. 125-134.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, (17) 1, hlm. 89-112.

Hamizul Abdul Hamid (2012). *Eksklusif Zakat*, Selangor: Galeri Ilmu.

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&lang=bn> dilihat pada 11 April 2018.

<http://www.zakatselangor.com.my/> dilihat pada 11 April 2018.

<http://www.zakatselangor.com.my/> dilihat pada 11 April 2018.

Ibn Manzur (1956). *Lisan al-Arab*, j.60, Beirut: Dar Sadir.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite (2012). Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. Vol. 4, No. 8, pp. 449-456.

Mohd Faisol Ibrahim (2015). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang *Jurnal*

Pengurusan, 42, hlm. 119 – 130.

Mohd Faisol Ibrahim (2016). Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, *The Journal Of Muamalat And Islamic Finance Research*, Vol. 13, No. 2, pp. 109-124.

Mohd Faisol Ibrahim dan Suhaina Musani (2011). *Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein & Suhaina Musani (2005). Peranan Institusi Bank Sebagai Agen Kutipan Dalam Aktiviti Bayaran Zakat: Kajian Ke atas Pusat Zakat Selangor. Dalam *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*. 29-30 Ogos 2005. Selangor: ESSET Bangi.

Mohd Faisol Ibrahim (2013). Kaedah Bayaran Zakat Menggunakan Institusi Perbankan di Malaysia dan Kesannya ke Atas Jumlah Kutipan Zakat. *Jurnal ILIM*, (6) hlm. 89-106.

Muhsin Nor Paizin (2014). *Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: Malaysia.

Suhali Sarif & Noor ‘Azah Kamri (2009). A Theoretical Discussion Of Zakat For Income Generation And Its Fiqh Issues, *Jurnal of Shariah*, Jil. 17, Bil 3, hlm. 457-500

Yusuf al-Qaradawi (1977). *Fiqh al-Zakat: Dirasah Muqaranah Li Akhamiha wa Falsafatiha Fi Daw’ al-Qur’ an wa al-Sunnah*, j.1, cet. 3, Beirut: Muassasah al- Risalah, hlm. 686.

Yusuf Qardhawi (2001). *Institut Zakat Masa Kini: Bagaimana Menjayakanya?*. Selangor Darul Ehsan: Pusat Zakat Selangor

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

1. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal yang membina amatlah dialukan.
2. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
3. Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (*double spacing*), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
4. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan berserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
5. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
6. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
7. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
8. Setiap ayat al-Quran atau tulisan jawi perlu dibuat print screen terlebih dahulu sebelum artikel diserahkan kepada pihak JAWHAR bagi mengelakkan perbezaan / pertukaran ayat dan maksudnya.
9. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.

10. Sumbangan dan pertanyaan boleh dialamatkan kepada:

Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 7468

Faks : 03-8883 7406

e-mel: jawhar_penyelidikan@jawhar.gov.my

